



BUKU PANDUAN KADET REMAJA SEKOLAH DAN TUNAS KADET REMAJA SEKOLAH

**Disediakan oleh :
Bahagian Sekolah,
Kementerian Pelajaran Malaysia**

PRAKATA

Kadet Remaja Sekolah telah diluluskan penubuhannya di sekolah-sekolah oleh Jemaah Menteri pada 18 Januari 1995. Pelancaran penubuhannya disempurnakan oleh YB Dato' Seri Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Menteri Pendidikan Malaysia pada 20 Jun 1995 di Sekolah Menengah Raja Abdullah, Kuala Lumpur. Dalam tahun yang sama pada bulan November – Disember seramai 300 orang guru telah dilatih sebagai jurulatih Kadet Remaja Sekolah di peringkat sekolah. Kursus-kursus ini telah diadakan di Pusat-pusat Kokurikulum Bachok (Kelantan), Singkir (Kedah), Bukit Kolah (Terengganu) dan Santubong (Sarawak). Jabatan-Jabatan Pendidikan Negeri kemudiannya diminta untuk menjalankan kursus yang sama bagi menyediakan jurulatih di peringkat sekolah.

Bagi tujuan mempercepat dan melicinkan pelaksanaan pasukan ini, Kementerian Pendidikan seterusnya mengeluarkan buku-buku panduan sebagai rujukan di semua peringkat pengurusan. Antara buku-buku yang diterbitkan sebelum ini ialah Buku Perlembagaan Kadet Remaja Sekolah, Buku Tatacara Pemakaian Kadet Remaja Sekolah, Buku Kawad Kadet Remaja Sekolah dan Buku Kurikulum Latihan Kadet Remaja Sekolah. Kini buku-buku ini telah dimurnikan lagi dan dijadikan sebuah buku sahaja untuk memudahkan pengurusan pasukan Kadet Remaja Sekolah dan Tunas Kadet Remaja Sekolah.

Buku ini diterbitkan khusus untuk menjelaskan konsep, falsafah, matlamat dan hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan pasukan ini. Dengan usaha ini, adalah diharapkan agar semua pihak yang terlibat melaksanakan pasukan, menyesuaikan apa jua langkah dan tindakan yang diambil supaya bertepatan dengan kehendak-kehendak yang dinyatakan. Justeru, buku ini amat sesuai digunakan oleh guru-guru Kadet Remaja Sekolah sama ada guru yang terlatih atau guru-guru Kadet Remaja Sekolah yang baru dilantik sebagai Guru Kadet Remaja Sekolah yang masih belum berkesempatan untuk mengikuti kursus kejurulatihan.

Pelaksanaan Kadet Remaja Sekolah dan Tunas Kader Remaja Sekolah mempunyai keunikan konsep dan falsafahnya tersendiri yang membezakan pasukan ini daripada pasukan-pasukan pakaian seragam yang lain. Kegiatan yang dijalankan, digandingkan dengan unsur-unsur pengukuhan dan pementapan jiwa dan rohani setiap anggota pasukan. Pelajar yang menganggotai pasukan ini bukan sahaja dibangunkan dari aspek jasmaninya melalui kegiatan-kegiatan yang mencabar, inteletiknya melalui kegiatan-kegiatan kreatif bahkan juga jiwa dan rohaninya melalui amalan langsung ibadah khusus dan umum.

Semoga generasi yang dilahirkan melalui Pasukan Kadet Remaja Sekolah dan Tunas Kadet Remaja Sekolah akan menjadi pelajar contoh dan menjadi anggota masyarakat muda yang lebih bersedia untuk menghadapi cabaran zamannya.

SEJARAH PENUBUHAN KADET REMAJA SEKOLAH (KRS)

Kadet Remaja Sekolah (KRS) telah ditubuhkan dan diasaskan oleh En. Muhammad Thani Bin Sha'aban di Sekolah Menengah Raja Abdullah, Jalan Kepong , Kuala Lumpur pada 27 Jun 1987 Pada mulanya pasukan ini dikenali sebagai Kadet Putera Islam Malaysia (KPIM) yang merupakan pasukan beruniform kepada Persatuan Pelajar-Pelajar Islam SMRA (PERWIRA). Keahliannya adalah seramai 20 orang pelajar sahaja iaitu terdiri daripada pelajar tingkatan 1 dan 2. Matlamat utama penubuhannya ialah untuk melahirkan pelajar cemerlang yang BERILMU, BERIMAN, DAN BERAMAL, berakhlak mulia , bersemangat patriotik dan berketrampilan selaras dengan usaha dan hasrat mengisi tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ke arah Wawasan 2020.

Pasukan KPIM ini bernaung di bawah pengawasan Unit Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan . Setiap aktiviti yang dijalankan adalah berteraskan ISLAM SEBAGAI CARA KEHIDUPAN (AD DEEN). Mulai tahun 1989 beberapa buah sekolah di Wilayah Persekutuan telah mula menubuhkan KPIM. Di antaranya ialah Sek. Men. Tmn Tun Dr Ismail di bawah pimpinan Ustaz Ahmad Farazilla Bin Abdul Ghani , Sek. Men Seri Titiwangsa di bawah pimpinan En. Anuar Bin Abd Aziz dan Sek. Men. Agama Ma'ahad Hamidiah , Kajang , Selangor di bawah pimpinan En. Abu Hassan Bin Morad. Pada tahun 1993, sebanyak 53 buah Sekolah Menengah di seluruh negara telah menubuhkan KPIM. Usaha untuk menubuhkan KPIM secara rasmi dan bernaung di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia telah dimulakan pada 10 Ogos 1993. Satu pertemuan telah diadakan dengan Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Dr. Wan Mohd Zahid Bin Wan Mohd Nordin iaitu Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia pada 13 September 1993. Di dalam pertemuan ini tesis mengenai KPIM telah dibentangkan. Hasilnya, sebuah jawatankuasa kecil telah dibentuk untuk menyediakan kertas kabinet . Jawatankuasa ini mencadangkan agar pasukan ini diberi nama KADET PUTERA - PUTERI ISLAM (KPIM) . Walau bagaimanapun nama pasukan ini kemudiannya ditukar kepada KADET REMAJA ISLAM (KRIS)

Sementara itu taklimat dan pendedahan kepada Pengarah-Pengarah Bahagian Kementerian Pendidikan yang diadakan pada bulan Oktober 1993 dan dipengerusikan oleh yang berbahagia Tan Sri Datuk Dr. Wan Mohd Zahid telah membuat keputusan agar nama pasukan ini ditukar kepada KADET REMAJA SEKOLAH (KRS) yang bertujuan agar keahliannya terbuka kepada semua kaum sama ada pelajar lelaki atau perempuan. Upacara Pelancaran KADET REMAJA SEKOLAH Peringkat Kebangsaan telah diaksanakan pada **20 Jun 1995 bersamaan 21 Muharam 1416** oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak, Menteri Pendidikan Malaysia di Sekolah Menengah Raja Abdullah , Jalan Kepong, Kuala Lumpur.

SEJARAH PENUBUHAN TUNAS KADET REMAJA SEKOLAH (TKRS)

Tunas Kadet Remaja Sekolah (TKRS) telah mula diasaskan pada 15 Mac 1999. Sekolah yang menjadi sekolah pertama (perintis) menubuhkan TKRS ialah Sekolah Kebangsaan Seri Melati, Kuala Lumpur yang sekarang ini dikenali dengan nama Sekolah Kebangsaan Setapak Indah. Tunas Kadet Remaja Sekolah ditubuhkan oleh En. Wan Mohd. Ariffin bin Wan Hussin khas untuk murid-murid sekolah rendah seperti mana Kadet Remaja Sekolah untuk pelajar-pelajar sekolah menengah sahaja. Antara tujuan TKRS ditubuhkan adalah untuk memberikan pendedahan awal kepada pelajar-pelajar mengenai KRS. Ini kerana TKRS merupakan KRS di peringkat awal (sekolah rendah). Kurikulum, matlamat dan objektif serta perjuangan TKRS adalah berdasarkan Kadet Remaja Sekolah (KRS). Pada awal penubuhan, pasukan ini dinamakan Tunas Kadet Remaja Islam Sekolah (TKRIS). Dewasa ini TKRIS dikenali dengan nama Tunas Kadet Remaja Sekolah. Penubuhan Tunas Kadet Remaja Sekolah secara rasminya telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pelajaran YB Dato' Noh b. Omar di Stadium Sultan Abdul Halim, Kedah Darul Aman pada 26 Mac 2006.

1. Pra-kata
2. Sejarah
3. Isi Kandungan
4. Latar belakang
5. Perlembagaan KRS & TKRS
6. Kurikulum KRS
7. Kurikulum TKRS
8. Kurikulum “ Training of Trainers “ (TOT)
9. Struktur dan Sistem Kenaikan Pangkat
10. Panduan Kawat
11. Lampiran :
 - i) Kad Ujian KRS & TKRS
 - ii) Borang Pendaftaran
 - iii) Kad Ahli
 - iv) Surat Pekeliling Ikhtisas Penubuhan KRS
(SPI Bil. 4/1995 – Pelaksanaan Kadet
Remaja Sekolah)
 - v) Lagu-Lagu KRS/TKRS
 - vi) Senarai nama panel penulisan buku.
 - vii) Borang Pemantauan
 - viii) Contoh Watikah Pelantikan/Tauliah
Pangkat/Anugerah Pangkat KRS/
Sijil Penubuhan

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Pelajar adalah satu aset yang amat berharga dalam menentukan arah pembangunan pada masa akan datang. Dalam konteks Pendidikan Kebangsaan kegiatan kokurikulum merupakan satu program penting demi membangunkan potensi murid-murid secara menyeluruh. Secara umum kegiatan kokurikulum yang sedia ada telah berjaya membina disiplin pelajar bagi meningkatkan minat mereka terhadap pembelajaran. Namun demikian masih banyak ruang yang perlu dipenuhi untuk mengatasi masalah generasi yang semakin mencabar. Bagi mengisi tuntutan ke arah negara maju, kita perlu menyediakan golongan yang dinamik dan berkualiti serta mempunyai perkembangan sahsiah yang seimbang dari segi jasmani , emosi, rohani dan intelek (JERI).
- 1.2 Menyedari keperluan ini Kadet Remaja Sekolah (KRS) dan Tunas Kadet Remaja Sekolah (TKRS) hendaklah ditubuhkan di semua sekolah menengah/rendah kerajaan dan bantuan kerajaan seluruh negara sebagai salah satu pasukan Badan Beruniform di sekolah. Kewujudan KRS/TKRS sekaligus dapat memenuhi kepelbagaian citarasa, minat dan bakat pelajar berdasarkan objektif yang dikemukakan.

2. RASIONAL

- 2.1 Memberi peluang seluas-luasnya kepada murid-murid untuk melibatkan diri dalam Pasukan Pakaian Seragam.
- 2.2 Adalah diharapkan Kadet Remaja Sekolah / Tunas KRS dapat membantu mengatasi masalah salahlaku di kalangan murid-murid sekolah seperti penyalahgunaan najis dadah, ponteng sekolah, budaya lepak dan juvana.
- 2.3 Memenuhi inspirasi dan permintaan masyarakat masa kini yang memerlukan satu usaha pembinaan generasi baru secara komprehensif dan cemerlang dengan mendapat sokongan padu daripada semua pihak.
- 2.4 Aktiviti KRS diharap dapat mengembangkan semua aspek potensi manusia yang berteraskan ilmu dan amal ke arah pembinaan dan pengukuhan sahsiah pelajar yang mengamalkan nilai-nilai murni dan moral yang tinggi selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

3. MATLAMAT

Melahirkan pelajar cemerlang yang beriman, berakhlak mulia, berilmu dan berketrampilan selaras dengan hasrat Wawasan Pendidikan dan Falsafah Pendidikan Negara ke arah menjayakan Wawasan 2020.

4. OBJEKTIF

- 4.1 Membina generasi bersemangat patriotik yang cintakan agama, bangsa dan negara.
- 4.2 Membentuk generasi yang menjiwai semangat perpaduan, memiliki ketrampilan diri, berdaya saing, bersemangat juang , kreatif serta inovatif dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup.
- 4.3 Membina dan mengembangkan kefahaman, kesedaran dan kepekaan di kalangan pelajar mengenai isu-isu semasa serta berkeupayaan mewujudkan integrasi nasional.
- 4.4 Melahirkan generasi yang mengetahui, memahami, menghayati dan mengamalkan akhlak Islam serta mampu memberikan sumbangan demi kesejahteraan hidup bermasyarakat dan bermesra.
- 4.5 Menyediakan peluang kepada pelajar untuk memperolehi pengetahuan, pengalaman, kemahiran, kebolehan mengurus dan memimpin.

5. PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN

Fokus utama pengurusan dan pelaksanaan aktiviti KRS/TKRS peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah ialah seminar dan bengkel konsep dan operasi KRS/TKRS. Kursus Pemimpin di peringkat sekolah menumpukan kepada aspek-aspek pelaksanaan aktiviti KRS/TKRS. Bagi Tunas Kadet Remaja Sekolah (TKRS) dicadangkan supaya ditubuhkan di semua sekolah rendah seluruh Malaysia agar murid-murid didedahkan lebih awal mengenai Kadet Remaja Sekolah seperti mana pasukan pakaian seragam yang lain (Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, Persekutuan Pengakap Malaysia, Pergerakan Puteri Islam Malaysia, Persatuan Pandu Puteri Malaysia, St. John Ambulans Malaysia, Pasukan Pancaragam dan Seni Bela Diri)

6. BIDANG AKTIVITI BERSEPADU KRS DAN TKRS

- 6.1 Disiplin dan Kerohanian
- 6.2 Ketahanan diri dan Kebudayaan
- 6.3 Alam Sekitar
- 6.4 Keusahawanan
- 6.5 Khidmat Masyarakat (Khidmas)

7. PEMANTAUAN

7.1 Tugas pemantauan terhadap pelaksanaan / laporan aktiviti hendaklah dilakukan oleh :

- Pengarah Pelajaran Negeri
- Pegawai-Pegawai JPN
- Jurulatih KRS Negeri
- Pegawai Pelajaran Daerah
- Pengetua/ Guru Besar

7.2 Pemantauan merangkumi perkara-perkara berikut :

- Laporan Aktiviti
- Laporan Kewangan

PERLEMBAGAAAN

PERLEMBAGAAN

1.0 Nama dan alamat berdaftar

- 1.1 Pasukan Pakaian Seragam ini dikenali dengan nama Kadet Remaja Sekolah atau ringkasnya KRS bagi Sekolah Menengah dan Tunas Kadet Remaja Sekolah (TKRS) bagi Sekolah Rendah
- 1.2 Alamat berdaftar atau alamat KRS & TKRS:
 - a. Peringkat Kebangsaan:

Bahagian Sekolah, Jabatan Sekolah,
Kementerian Pelajaran Malaysia,
Aras 3 & 4 , Blok E2
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Kuala Lumpur
 - b. Peringkat Negeri:

Jabatan Pelajaran Negeri berkenaan
 - c. Peringkat Daerah:

Pejabat Pelajaran Daerah berkenaan
 - d. Peringkat Sekolah:

Sekolah berkenaan.
 - e. Atau di tempat lain dalam Malaysia sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa KRS/TKRS dari semasa ke semasa.

2.0 Tujuan

Tujuan KRS & TKRS ini ditubuhkan ialah:

- 2.1 Membentuk generasi pelajar yang menjiwai semangat perpaduan, memiliki ketrampilan diri, berdaya, saing, kreatif serta inovatif dalam menghadapi pelbagai cabaran kehidupan.
- 2.2 Membantu mengembangkan semua aspek potensi manusia yang berteraskan ilmu dan amal ke arah pembinaan dan pengukuhan sahsiah pelajar yang mengamalkan nilai-nilai murni selaras dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan demi menjayakan Wawasan 2020.
- 2.3 Menangani masalah salah laku di kalangan pelajar remaja seperti salah guna dadah, budaya lepak dan juvana.
- 2.4 Mempelbagaikan kegiatan pasukan beruniform di sekolah bagi menyediakan pelajar-pelajar memperolehi pengetahuan, pengalaman, kemahiran, kebolehan mengurus dan memimpin.
- 2.5 Membina generasi pelajar patriotik yang menjiwai semangat cintakan agama, bangsa dan Negara Malaysia.
- 2.6 Melahirkan generasi pelajar yang mengetahui, memahami, menghayati dan mengamalkan nilai murni serta mampu memberikan sumbangan demi kesejahteraan hidup bermasyarakat dan bernegara.
- 2.7 Membina dan mengembangkan kefahaman, kesedaran dan kepekaan mengenai isu-isu semasa di kalangan pelajar serta berkeupayaan untuk bertindak sewajarnya.



3.0 Pengertian logo

- 3.1 Perisai melambangkan benteng ketahanan diri daripada gejala yang tidak sihat.
- 3.2 Bulan dan bintang melambangkan Agama Islam sebagai agama rasmi Negara Malaysia.
- 3.3 Dua tangkai padi bersilang melambangkan resmi padi iaitu berilmu dan berketrampilan serta matang dan rasional dalam semua tindakan.
- 3.4 Buku yang terbuka dan rehal melambangkan peranan institusi pendidikan yang mementingkan tradisi ilmu untuk semua tanpa mengira keturunan dan kaum, agama dan latar belakang budaya ke arah melahirkan bangsa Malaysia selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.
- 3.5 Warna hijau melambangkan alam sekitar yang sihat.
- 3.6 Warna merah melambangkan keperwiraan dan sedia berjuang mempertahankan negara yang tercinta.
- 3.7 Warna kuning melambangkan warna diraja yang menjadi tonggak kedaulatan Negara Malaysia.
- 3.8 Warna putih melambangkan keikhlasan serta kesucian.

4.0 Bendera



4.1 Warna Hijau melambangkan

- a. Tunas muda/remaja yang masih boleh dibentuk.
- b. Laluan hidup yang jelas untuk masa depan.
- c. Alam sekitar merupakan sebahagian daripada kurikulum KRS/TKRS.

4.2 Cogan kata KRS/TKRS ' ILMU IMAN AMAL '

- a. ILMU : Asas keintelektualan dan ketrampilan ahli KRS/TKRS.
- b. IMAN : Keimanan yang mendalam merupakan asas pembinaan diri.
- c. AMAL : Penghayatan dan perlakuan gaya hidup sihat yang berterusan merupakan natijah daripada kekuatan intelektual dan disiplin diri.

5.0 Keahlian

- 5.1 Keahlian KRS/TKRS adalah terbuka kepada semua pelajar di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan.
- 5.2 Ahli bersekutu KRS/TKRS terbuka kepada semua pelajar yang menuntut di institusi pendidikan selain daripada yang dinyatakan dalam perkara 5. 1.
- 5.3 KRS/TKRS yang dianggotai oleh ahli bersekutu diurus dan dibiayai oleh institusi di mana KRS/TKRS itu ditubuhkan.
- 5.4 Keahlian KRS/TKRS lucut serta merta apabila pelajar tersebut berhenti atau diberhentikan daripada menjadi pelajar berdaftar di sekolah/institusi seperti yang dinyatakan di atas.
- 5.5 Keahlian TKRS terbuka kepada semua pelajar tahap II (tahun 4, 5 & 6) di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan.
- 5.6 Ahli KRS / TKRS yang bertukar ke sekolah / negeri lain,keahlian asal masih diterima pakai.

6.0 Pakaian Rasmi KRS

6.1 Lelaki

- a. Beret berwarna Sherwood Dark Green.
- b. Baju kemeja lengan panjang Sherwood Dark Green.
- c. Seluar panjang warna Sherwood Dark Green.
(Ukuran kaki 40 cm - 46 cm)
- d. Tali wisel merah.
- e. Tali pinggang kanvas warna hijau berkepala emas dengan logo KRS.
- f. Spike boot.

6.2 Perempuan

- a. Beret berwarna Sherwood Dark Green.
- b. Baju kemeja labuh paras bawah punggung, berlengan panjang dan warna Sherwood Dark Green.
- c. Seluar panjang warna Sherwood Dark Green.
- d. Spike boot.
- e. Tali wisel merah.
*Pemakaian Telekung mini berwarna Sherwood Dark Green.

7.0 Pakaian Rasmi TKRS

7.1 Lelaki

- a. Beret berwarna Sherwood Dark Green.
- b. Baju kemeja lengan pendek warna hijau muda (L 109)
- c. Seluar sekolah. (Ukuran kaki 20 cm - 30 cm)
- d. Tali wisel merah.
- e. Tali pinggang kanvas warna hijau berkepala emas dengan logo KRS.
- f. Kasut Kulit/PVC Hitam Bertali dan Berstokin Hitam

7.2 Perempuan

- a. Beret berwarna Sherwood Dark Green.
- b. Baju kemeja labuh paras bawah punggung, berlengan panjang dan warna hijau muda (L 109).
- c. Seluar /Kain Sekolah.
- d. Tali wisel merah.
- e. Kasut Kulit/PVC Hitam Bertali dan Berstokin Hitam
*Pemakaian Telekung mini berwarna Sherwood Dark Green.

8.0 Kawasan Kegiatan

- 8.1 Kawasan kegiatan meliputi peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri-negeri dalam Malaysia, Wilayah Persekutuan Malaysia, daerah-daerah dan sekolah-sekolah.
- 8.2 Perkataan Daerah yang tersebut dalam perlembagaan ini juga bermaksud Jajahan di Negeri Kelantan dan Bahagian di Negeri Sabah dan Sarawak.
- 8.3 Perkataan sekolah yang tersebut dalam perlembagaan ini bermaksud sekolah-sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan.

9.0 Jawatankuasa

- 9.1 Penaung Peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah:
Menteri Pelajaran Malaysia.
- 9.2 Penasihat Peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah:
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.
- 9.3 Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah adalah seperti berikut:
 - a. Penaung
 - b. Pengerusi
 - c. Timbalan Pengerusi
 - d. Naib Pengerusi
 - e. Setiausaha
 - f. Penolong Setiausaha
 - g. Bendahari
 - h. AJK yang dilantik
- 9.4 Jawatankuasa terdiri daripada empat peringkat:
 - a. Peringkat Kebangsaan
 - b. Peringkat Negeri
 - c. Peringkat Daerah
 - d. Peringkat Sekolah

9.5 Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan:

a. Penaung	:	Menteri Pelajaran Malaysia
b. Penasihat	:	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
c. Pengerusi	:	Pengarah Bahagian Sekolah
d. Timbalan Pengerusi	:	Timbalan Pengarah Bahagian Sekolah
f. Setiausaha	:	Ketua Penolong Pengarah (HEM) Bahagian Sekolah
g. Penolong Setiausaha	:	Dilantik (Dua orang)
h. Bendahari	:	Dilantik
i. Ahli-ahli	:	Pengarah-Pengarah JPN Pengarah Bahagian Pendidikan Guru Pengarah Bhg. Dakwah & Kepimpinan Pengarah Bahagian Teknik & Vokasional Pengarah Institut Aminuddin Baki Tiga ahli dilantik Dua Wakil Jurulatih KRS Dua Wakil Jurulatih TKRS
j. Juruaudit	:	Dilantik

9.6 Jawatankuasa Peringkat Negeri:

a. Penaung	:	Menteri Pelajaran Malaysia
b. Penasihat	:	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
c. Pengerusi	:	Pengarah Pelajaran Negeri
d. Timbalan Pengerusi	:	Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan
e. Setiausaha	:	Ketua Unit Kokurikulum
f. Pen.Setiausaha 1	:	Penyelia Pasukan Pakaian Seragam
Pen.Setiausaha 2	:	Pegawai Tadbir KRS
g. Bendahari	:	Dilantik
h. Ahli-ahli	:	Dilantik Termasuk Pegawai Pelajaran Daerah 2 Wakil Jurulatih KRS dan 2 Wakil Jurulatih TKRS Wakil PKPSM dan MGB
i. Juruaudit	:	Dilantik

9.7 Jawatankuasa Peringkat Gabungan/Daerah:

9.7.1 Jawatankuasa Peringkat Pejabat Pelajaran Gabungan (Sabah dan Sarawak)

- | | | | |
|----|-----------------|---|--|
| a. | Penaung | : | Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia |
| b. | Penasihat | : | Pengarah Pelajaran Negeri |
| c. | Pengerusi | : | Pegawai Pelajaran Gabungan |
| d. | Tim. Pengerusi | : | Ketua Unit |
| e. | Setiausaha | : | Penyelia Kokurikulum |
| f. | Pen. Setiausaha | : | Pegawai Tadbir Gabungan KRS |
| g. | Bendahari | : | Dilantik |
| h. | Ahli | : | Dilantik Termasuk 2 Wakil
Jurulatih KRS dan 2 Wakil TKRS,
Wakil PKPSM dan MGB (Gabungan) |
| i. | Ex-Officio | : | Pegawai Tadbir KRS Negeri |
| j. | Juruaudit | : | Dilantik (2 orang) |

9.7.2 Jawatankuasa Peringkat Daerah

- | | | | |
|----|-----------------|---|---|
| a. | Penaung | : | Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia |
| b. | Penasihat | : | Pengarah Pelajaran Negeri |
| c. | Pengerusi | : | Pegawai Pelajaran Daerah |
| d. | Tim. Pengerusi | : | Penolong Pegawai Pelajaran
Daerah (SPPK) |
| e. | Setiausaha | : | Penyelia |
| f. | Pen. Setiausaha | : | Dilantik |
| g. | Bendahari | : | Dilantik |
| h. | Ahli | : | Dilantik Termasuk 2 Wakil
Jurulatih KRS dan 2 Wakil TKRS,
Wakil PKPSM dan MGB |
| i. | Ex-Officio | : | Pegawai Tadbir KRS Negeri |
| j. | Juruaudit | : | Dilantik (2 orang) |

9.8 Perlantikan bagi jawatan-jawatan di atas hendaklah dilakukan oleh Pengerusi setiap Jawatankuasa.

9.9 Jawatankuasa Peringkat Sekolah:

- | | | | |
|----|---------------------|---|--|
| a. | Penaung | : | Pengarah Pelajaran Negeri |
| b. | Penasihat | : | PPD |
| c. | Pengerusi | : | Pengetua / Guru Besar |
| d. | Timbalan Pengerusi | : | Pen.Kanan Kokurikulum |
| e. | Setiausaha | : | Dilantik |
| f. | Penolong Setiausaha | : | Dilantik |
| g. | Bendahari | : | Dilantik |
| h. | Ahli-ahli | : | (7 orang Dilantik + Ketua Platun KRS/TKRS) |
| i. | Juruaudit (2 orang) | : | Dilantik di kalangan guru |

9.10 Perlantikan jawatan-jawatan di atas dilakukan oleh penolong pendaftar sekolah.

9.11 Pemegang-pemegang jawatan ini dan tiap-tiap pegawai yang hendak menjalankan tugas pengurusan KRS hendaklah warganegara Malaysia.

9.12 Guru KRS/TKRS sekolah adalah pemimpin dan pemudahcara kepada Jawatankuasa Peringkat Sekolah.

9.13 Tugas Jawatankuasa ialah merancang, mengelola dan mengatur program KRS/TKRS

9.14 Jawatankuasa ini boleh menubuhkan jawatankuasa kecil untuk memantapkan lagi aktiviti KRS/TKRS.

10.0 Kewangan

10.1 Setiap ahli KRS/TKRS dikenakan yuran tahunan sebanyak RM 2.00

10.2 Bendahari bertanggungjawab menguruskan segala yang berkaitan dengan kewangan KRS/TKRS

10.3 Penyata kewangan KRS/TKRS hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa kira-kira, mengikut Perlembagaan serta disahkan oleh penolong pendaftar.

10.4 Dua orang guru yang bukan pemimpin KRS/TKRS dilantik dalam mesyuarat oleh Penolong Pendaftar sebagai Pemeriksa kira-kira atau Juruaudit.

10.5 Pemeriksa kira-kira dikehendaki memeriksa kewangan KRS dari semasa ke semasa atas arahan penolong pendaftar.

11.0 Pindaan Perlembagaan

Perlembagaan ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan.

Disediakan oleh :
Bahagian Sekolah
Jabatan Sekolah
Kementerian Pelajaran Malaysia

KURIKULUM KRS

1.0 DISIPLIN DAN KEROHANIAN

1.1 MATLAMAT

Melahirkan generasi pelajar yang cintakan negara, mempunyai disiplin diri yang kental, berpegang teguh kepada ajaran agama serta sanggup berbakti kepada masyarakat yang memerlukan khidmat dan bimbingan.

1.2 OBJEKTIF

- a. Melahirkan pelajar yang bersemangat patriotik yang cintakan bangsa dan negara.
- b. Menyediakan generasi pelajar yang mempunyai disiplin yang tinggi serta mempunyai daya juang, daya tahan, daya saing dan daya saing dalam menghadapi cabaran yang mendatang.
- c. Membina generasi pelajar yang mengetahui, memahami, menghayati dan mengamalkan akhlak Islam serta memberi sumbangan ke arah hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

1. KETATANEGARAAN		
TAHAP 1 – TINGKATAN 1	TAHAP 2– TINGKATAN 2 & 3	TAHAP 3 – TINGKATAN 4 & 5
a. Lambang Negara b. Bendera Malaysia c. Lagu Kebangsaan dan Negeri berkenaan d. Lambang dan Bendera Negeri e. Rukun Negara f. Lagu-lagu Patriotik g. Lagu KRS h. Berlari sambil menyanyikan lagu larian KRS dan langkah KRS	a. Jemaah Kabinet i. Nama dan Jawatan b. Sultan-sultan i. Nama-nama Sultan c. Memahami Falsafah Pendidikan Negara d. Memahami dan mengenali kebudayaan Melayu serta lain-lain kaum. e. Lagu-lagu Patriotik	a. Biodata Perdana Menteri i. Menulis rencana ii. Syarahan b. Wawasan Perdana Menteri i. Esei ii. Syarahan c. Mengenali Institusi dan Peranannya i. Jabatan/ Majlis Agama Islam ii. Pusat Islam iii. Universiti Islam iv. Lembaga Urusan Tabung Haji v. Majlis Fatwa Negara vi. Baitulmal vii. Mahkamah Syariah viii. Maktab Perguruan Islam ix. Angkatan Belia Islam x. Persatuan Ulama' d. Mengenal tokoh ulama tempatan dan luar negara. e. Mengenal tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan f. Lagu-lagu Patriotik

2. KEROHANIAN		
a. Kelas Fardhu Ain b. Bacaan Yasin c. Marhaban dan Berzanji d. Usrah e. Tamrin f. Kursus Kefahaman Islam g. Hafalan doa-doa dalam kehidupan seharian	h. Kebudayaan Islam i. Nasyid ii. Syair iii. Sajak dan lain-lain i. Ceramah Agama j. Akhlak k. Kisah-kisah Sahabat Nabi SAW	
3. PENGURUSAN DAN GAYA DIRI		
TAHAP 1 – TINGKATAN 1	TAHAP 2– TINGKATAN 2 & 3	TAHAP 3 – TINGKATAN 4 & 5
a. Tanggungjawab terhadap diri dan keluarga i. Memelihara kesihatan tubuh badan ii. Penjagaan keluarga b. Mengurus tempat kediaman i. Susun atur peralatan rumah ii. Keselamatan di rumah c. Adab bergaul i. Keluarga ii. Jiran tetangga iii. Guru/rakan iv. Majlis rasmi v. Batas-batas pergaulan	a. Pemilihan pakian i. Majlis rasmi/formal ii. Majlis tidak rasmi/informal bersukan iii. Etika berpakaian dalam Islam b. Perunggu Meja i. Alatan perunggu meja ii. Sajian secara tradisional iii. Sajian secara cina iv. Sajian secara barat v. Sajian secara "buffet" c. Etika di meja makan i. Cara memegang pisau dan garpu ii. Cara meletakkan sudu, garpu dan pisau selepas makan.	a. Tatatertib sebagai tetamu i. Adab sebagai tetamu ii. Adab menjadi tuan rumah iii. Adab semasa menghadiri jamuan makan iv. Perkara-perkara yang perlu dielakkan semasa makan di majlis jamuan. b. Etika makan secara Islam c. Adab makan di dalam pelbagai jenis jamuan i. Makan cara Melayu ii. Makan cara Barat iii. Makan cara Koktel iv. Makan cara Buffet v. Makan di kantin

4. PENDIDIKAN MORAL – Ahli bukan beragama Islam

TAHAP 1 – TINGKATAN 1	TAHAP 2– TINGKATAN 2 & 3	TAHAP 3 – TINGKATAN 4 & 5
a. Buat baik dibalas baik b. Waspada sebelum kena c. Kesetiaan kepada negara d. Sahabat setia e. Teguran membina f. Balasan jujur g. Berakit-rakit h. Contohi Labah-labah i. Kalau Cermat Tentu Selamat j. Budi Bahasa	a. Sultan Alaudin Riayat Shah b. Sesal kemudian tidak berguna c. Mengawal pemikiran, pertuturan dan perlakuan. d. Etika perniagaan yang baik e. Pengorbanan kaum ibu f. Fikir sebelum bertindak g. Kebebasan dalam sistem demokrasi h. Pentingnya keselamatan jalan raya i. Biar lambat asalkan selamat j. Bukit sama didaki lurah sama dituruni.	Penghayatan Nilai-Nilai Murni Tahap 1 & 2

2.0 KETAHANAN DIRI DAN KEBUDAYAAN

2.1 MATLAMAT

Melahirkan generasi pelajar yang sihat dari segi fizikal, mental, mempunyai daya tahan, berpotensi dan berketerampilan malah mampu menghindarkan diri dari gejala sosial yang buruk dengan menjadikan budaya timur sebagai tatacara hidup.

2.2 OBJEKTIF

- a. Melahirkan insan yang sihat fizikal dan mental.
- b. Memupuk bakat serta menggalakkan potensi yang sedia dan mampu memenuhi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah.
- c. Mengurangkan ketegangan fikiran dan mampu menyelesaikannya secara bijaksana.

1. KAWAD

TAHAP 1 – TINGKATAN 1	TAHAP 2– TINGKATAN 2 & 3	TAHAP 3 – TINGKATAN 4 & 5
a.Asas Kawad i. Kawad Am • Masuk barisan • Paraskan barisan • Kanan lurus • Senang diri • Sedia • Buka dan Tutup barisan • Ke kanan dan Ke Kiri Pusing • Langkah hadapan, belakang, kiri, kanan • Hentak kaki b. Kawad berjalan • Mulakan kaki kanan • Tabik hormat c. Kawad membawa bendera d. Menaik dan menurunkan bendera	a. Memberi perintah kawad i. Kumpulan masing-masing b. Kawat Perhimpunan c. Hormat Ke hadapan Hormat d. Hormat Ke Kanan Hormat e. Hormat Ke Kiri Hormat f. Hormat selaku terima siji	a.Kawad perseorangan i. Melakukan semua jenis Kawad b.Perintah Kawad i.Sebagai Ketua c.Mengurus Perhimpunan d.Kawad Formasi

2. PERKHEMAHAN

TAHAP 1 – TINGKATAN 1	TAHAP 2– TINGKATAN 2 & 3	TAHAP 3 – TINGKATAN 4 & 5
a. Definisi b. Mendirikan khemah c. Memilih Tapak Khemah d. Perlindungan semulajadi e. Perhubungan f. Punca air g. Kebersihan h. Keselamatan i. Konservasi j. Kegiatan di kawasan perkhemahan k. Etika perkhemahan l. Memotong kayu m. Beg Galas n. Kaedah mengisi "Rucksack" o. Jenis-jenis khemah p. Cara penjagaan khemah	a. Kraf perkhemahan i. Gajet b. Beg Galas i. Kaedah memikul beg galas c. Jenis-jenis unggun api d. Dapur i. Jenis-jenis dapur e. Memasang api f. Memasak i. Teknik memasak ii. Praktikal memasak iii. Nasi, ikan goreng, sayur dan teh iv. Lain-lain masakan ringan v. Pertandingan memasak	a. Kraf perkhemahan lanjutan b. Lanjutan Tahap 1 & 2 c. Sanitasi

3. IKATAN TALI

TAHAP 1 – TINGKATAN 1	TAHAP 2– TINGKATAN 2 & 3	TAHAP 3 – TINGKATAN 4 & 5
a. Simpulan dan ikatan asas i. Simpulan buku sila ii. Simpulan bunga keti iii. Tindih kasih iv. Simpulan pengail v. Ikatan manuk vi. Simpul belit vii. Ikatan balak viii. Ikatan seraya ix. Ikatan serong x. Ikatan silang gunting xi. Mengemaskan tali	a. Simpulan/ Ikatan pemancing i. Simpulan darah bergelung (untai) ii. Simpulan lemak seela iii. Simpulan /sempurna (untai) iv. Simpulan pengail ganda empat v. Simpulan bergelung jurai vi. Simpulan lemak seela separuh vii. Ikatan mata kail viii. Simpulan Turtle ix. Simpulan bebat x. Simpulan tarbuck xi. Simpulan frost xii. Simpulan Bunga Ketik xiii. Simpulan stopper dan angka 8 xiv. Simpulan tukang gantung xv. Ikatan pengkalan	a. Simpulan/ikatan pendaki i. Simpulan prusik ii. Simpulan geseran munther iii. Simpulan tarbuck (untai) iv. Simpulan rama-rama v. Ikatan manharness vi. Simpulan kerusi vii. Simpulan perompak viii. Simpulan pencuri ix. Simpulan tok fakir x. Ikatan ampaian xi. Weng segera xii. Tangga tali b. Jenis-jenis tali i. Fungsi ii. Ketahanan /kekuatan setiap jenis tali iii. Tatacara penjagaan tali c. Peralatan tambahan i. Harness ii. Carabiner & Figura 8 iii. Pulley iv. Juma

4. KOMPAS

TAHAP 1 – TINGKATAN 1	TAHAP 2– TINGKATAN 2 & 3	TAHAP 3 – TINGKATAN 4 & 5
a. Mengenal Arah Mata angin b. Mencari arah mata angin c. Menentukan arah kiblat d. Pengenalan Kompas	a. Praktikal mencari bearing (arah mata angin) b. Latihan di kawasan sekolah c. Menggunakan peta - Membaca peta/ Orientasi peta d. Aktiviti Orienteering dan Pandu Arah	a. Merintis hutan menggunakan kompas b. Pertandingan mencari bearing i. Menggunakan peta ii. Mencari harta karun c. Aktiviti Pandu Arah dan Orienteering

5. IKHTIAR HIDUP

TAHAP 1 – TINGKATAN 1	TAHAP 2– TINGKATAN 2 & 3	TAHAP 3 – TINGKATAN 4 & 5
a. Alat-alat ikhtiar hidup i. Mengikut jejak atau tanda. ii. Mengenali jejak atau kesan binatang b. Latihan mengendalikan sampan i. Sampan kayu @ sampan gentian kaca c. Bahan-bahan apungan di air. d. Membina model apungan di air	a. Ancaman Hidupan liar b. Mengenali pokok-pokok perubatan / tumbuhan/ buah-buahan yang boleh dimakan / diminum c. Membuat perangkap / jerat d. Memasak mengikut kaedah ikhtiar hidup e. Latihan berkayak i. Keno gentian kaca @ kanvas f. Latihan membina rakit i. Membuat rakit buluh dan pendayungnya ii. Cara-cara mengendalikan rakit iii. Lain-lain masakan ringan iv. Pertandingan memasak g. Basikal i.. Mengenal struktur dan bahagian basikal dan fungsinya ii. Membaiki kerosakan kecil	a. Kursus ikhtiar hidup di hutan i. Membuat perangkap / jerat II ii. Membuat alat-alat ikhtiar hidup b. Motosikal i. Mengenal struktur dan bahagian motosikal dan fungsinya ii. Membaiki kerosakan kecil

6. KOMUNIKASI		
a. Kaedah-kaedah • Lisan • Bertulis • Isyarat • Tiupan Wisel	a. Latihan berkomunikasi b. Berpandukan muka jam c. Isyarat antarabangsa d. Penggunaan Walkie-Talkie	a. Semboyan bunyi
7. TEKNIK PERJALANAN		
a. Persiapan b. Organisasi c. Formasi bergerak	a. Posisi tapak tangan b. Bernafas secara ritma c. Melangkah d. Kaedah menyeberang sungai	a. Penggunaan tangan dan kaki semasa mendaki b. Mendaki lereng curam c. Menuruni lereng menggunakan tali.
8. IKLIM		
a. Cuaca b. Suhu c. Hujan d. Tanda-tanda hujan	a. Awan dan jenis-jenisnya b. Angin c. Ombak	a. Ramalan cuaca b. Pasang surut
9. PERTOLONGAN CEMAS / BANTU MULA		
TAHAP 1 – TINGKATAN 1	TAHAP 2– TINGKATAN 2 & 3	TAHAP 3 – TINGKATAN 4 & 5
a. Prinsip dan amalan i. Prinsip dan asas pertolongan cemas ii. Panduan tindakan pada masa kecemasan b. Pembebatan dan pembalutan i. Cara membebat luka ii. Cara membalut c. Pengangkutan dan pengusungan i. Kaedah mengangkat dan menyusun.	a. Struktur tubuh badan dan fungsinya i. Struktur badan ii. Struktur sendi iii. Struktur daging & kulit iv. Fungsi organ b. Pernafasan dan Asfiksia i. Asfiksia, punca dan rawatan c. Kecederaan terbakar i. Pengelasan terbakar ii. Rawatan d. Keracunan i. Definisi ii. Kaedah rawatan e. Gigitan dan sengatan serangga i. Gigitan ular, kala, lipan dan lebah ii. Sengatan tebuan iii. Kaedah rawatan f. Pendarahan i. Peredaran darah ii. Punca dan rawatan	a. Renjatan i. Tanda dan rawatan b. Urut jantung i. Kaedah pemulihan pernafasan dan urut jantung c. Kecederaan tulang, sendi, ligamen dan otot i. Terminologi ii. Kecederaan tulang belikat iii. Lengan dan siku iv. Pinggang dan peha v. Lutut, betis dan jari kaki vi. Tulang belakang, tengkuk d. Pengenalan Pemulihan dan penafasan i. Kaedah pemulihan ii. Kaedah mulut ke mulut iii. Kaedah mulut ke hidung iv. Kaedah Holger Nelson v. Kaedah Silvester

10. KURSUS ASAS KEBOMBAAN		
a. Pengenalan mengenai kebakaran i. Punca kebakaran ii. Cara-cara mengelakan kebakaran b. Alat-alat melawan kebakaran i. Pemadam api jenis air, serbuk, buih dan gas ii. Kaedah pengendalian	a. Kaedah menyelamatkan diri daripada kawasan kebakaran i. Perlindungan diri ii. Kaedah menyelamatkan diri b. Latihan mengawal / memadam kebakaran i. Memadamkan kebakaran ii. Bakaran tayar	a. Latihan melawan / memadam kebakaran i. Memadam kebakaran dan alat pemadam api

11. SENI MEMPERTAHANKAN DIRI

TAHAP 1 – TINGKATAN 1	TAHAP 2– TINGKATAN 2 & 3	TAHAP 3 – TINGKATAN 4 & 5
a. Jenis-jenis seni mempertahankan diri b. Asas mempertahankan diri c. Teknik-teknik mempertahankan diri d. Ujian asas seni mempertahankan diri	a. Jenis-jenis seni mempertahankan diri b. Kemahiran mempertahankan diri c. Teknik-teknik mempertahankan diri d. Ujian lanjutan	a. Latihan menggunakan peralatan dalam mempertahankan diri b. Ujian Mempertahankan diri menggunakan peralatan c. Perubatan / Sains Sukan dalam seni mempertahankan diri

12. Kecergasan Diri / Riadah

TAHAP 1 – TINGKATAN 1	TAHAP 2– TINGKATAN 2 & 3	TAHAP 3 – TINGKATAN 4 & 5
Pengenalan jenis-jenis sukan	Kemahiran sukan individu atau kumpulan	Pengurusan riadah

14. KEBUDAYAAN		
a. Mengenal asal-usul kaum di Malaysia b. Adat resam kaum di Malaysia c. Mengenal alat-alat muzik kaum di Malaysia d. Perayaan pelbagai kaum di Malaysia e. Menyertai satu persembahan seperti i. Nasyid ii. Permainan, alat muzik, tradisional, kompang, rebana dan lain-lain iii. Bersyair, pantun atau gurindam iv. Drama / Pentomin/ Sketsa.	a. Mengumpulkan 20 peribahasa, simpulan bahasa atau perumpamaan salah satu kaum di Malaysia b. Menyenaraikan pakaian tradisi pelbagai kaum c. Menghafaz 10 perkataan mudah bahasa Cina dan Tamil dan selain bahasa Ibunda d. Menyertai satu persembahan [Seperti tahap satu]	a. Membuat kajian dan menulis laporan mengenai i. Adat istiadat perkahwinan kaum di Malaysia ii. Adat kematian bagi kaum di Malaysia iii. Bagaimana memupuk perpaduan kaum di Malaysia b. Mengenali permainan tradisi (contoh) : i. Wayang kulit ii. Wau iii. Gasing c. Menceritakan cerita-cerita lisan pelbagai kaum.

3.0 KHIDMAT MASYARAKAT – KHIDMAS

iii.1 MATLAMAT

Melahirkan generasi pelajar yang sanggup berbakti, tolong-menolong dan berlumba-lumba membuat / melakukan amal kebajikan dalam kehidupan seharian tanpa mengira agama, kaum dan etnik.

3.2 OBJEKTIF

1. Melahirkan insan yang mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat serta aktif dalam aktiviti kemasyarakatan
2. Mengukuhkan ikatan persaudaraan, kekeluargaan dan mengeratkan hubungan kemasyarakatan antara lapisan masyarakat.
3. Melahirkan insan yang perihatin terhadap tugas dan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat serta mengamalkan budaya simpati dan empati dalam kehidupan seharian.

1. KHIDMAT MASYARAKAT		
a. Gotong royong membersihkan i. Kawasan sekolah ii. Surau atau masjid iii. Tanah perkuburan iv. Lain-lain b. Lawatan dan ziarah ke i. Rumah kebajikan anak yatim dan orang tua ii. Hospital iii. Perkampungan orang asli iv. Pondok atau pusat pengajian dan lain-lain	a. Gotong royong [Seperti tahap 1] b. Lawatan dan ziarah [Seperti tahap 1] c. Menubuhkan kumpulan [Seperti tahap 1] d. Membuat kajian mengenai i. Asal usul sesebuah kampung ii. Salasilah keluarga iii. Tokoh-tokoh tempatan e. Temuramah dengan i. Penduduk tertua ii. Penghulu, imam, ketua kampung, pengerusi JKK f. Melakar pelan tempat tinggal.	a. Gotong-royong, lawatan dan ziarah, menubuhkan kumpulan [seperti tahap 1 & 2] b. Membuat kajian mengenai i. Kegiatan ekonomi dan sosial penduduk setempat ii. Masalah keruntuhan moral belia setempat iii. Masalah penduduk c. Temuramah dengan i. Wakil rakyat ii. Pegawai daerah iii. Tokoh korporat iv. Ulama tempatan v. Ketua balai polis d. Menulis tempat bersejarah

4.0 ALAM SEKITAR

4.1 MATLAMAT

4.2 OBJEKTIF

1. Melahirkan insan yang sentiasa bersyukur dengan menghayati alam sekitar.
2. Memupuk sikap prihatin terhadap sumbangan dan kepentingan alam sekitar kepada kehidupan manusia serta memahami rantaian hidup antara alam sekitar dengan manusia sejagat.
3. Membina insan yang bertanggungjawab dengan memberi sumbangan ke arah memelihara alam sekitar sebagai khazanah tuhan kepada manusia.

1. ALAM SEKITAR		
TAHAP 1 – TINGKATAN 1	TAHAP 2– TINGKATAN 2 & 3	TAHAP 3 – TINGKATAN 4 & 5
a. Mengenal dan mengkaji sebatang pokok. i. Mendapatkan pola/ corak daripada batang dan rangka daun. ii. Mengukur lilitan batang dan ketinggian iii. Melukis serta menyatakan fungsi bahagian pokok iv. Merekodkan serangga dan invertebrata yang bersembunyi pada sebatang pokok v. Melabelkan nama dan nama saintifik tumbuhan di persekitaran sekolah b. Mengenal dan mengelaskan jenis-jenis hutan c. Mengenalkan haiwan liar dalam hutan Malaysia d. Membersihkan sungai-sungai di kawasan rekreasi e. Demontrasi proses pertanian f. Deklamasi sajak mengenai alam sekitar	a. Memerhati kehidupan haiwan contoh burung : i. Mengenal nama burung ii. Merekod nama burung yang dapat dilihat di kawasan sekolah dan tempat tinggal iii. Mengumpul bulu dan sarang burung yang tidak digunakan iv. Mengenal pasti makanan dan tumbuhan yang digemari burung. b. Kajian serangga dan invertebrata i. Fungsi serangga dan invertebrata dalam proses pereputan ii. Bagaimana pokok memberi makanan kepada serangga dan invertebrata iii. Melukis dan menamakan bahagian serangga dan invertebrata iv. Fungsi bahagian serangga dan invertebrata c. Mengenal pasti dan menamakan jenis rumput	a. Kajian air i. Hidupan air di kolam atau sungai ii. Kualiti air b. Mengkaji tanah-tanah dan batu batan i. Mengenal pasti jenis tanah tanah dan batu batan c. Kajian mengenai hakisan i. Jenis-jenis hakisan ii. Mengenal cara kawalan d. Mengawit tumbuh-tumbuhan i. Mengawit dan menamakan 15 jenis pokok bunga ii. Mengawit dan menamakan 15 jenis pokok renek iii. Mengawit dan menamakan 15 jenis tumbuhan herba iv. Mengawit dan menamakan 15 jenis pokok buah-buahan e. Memelihara dan menjaga kawasan rekreasi sekolah f. Memahami cara mengurus bahan buangan seperti sisa kimia

g. Memahami mengenai proses pemeliharaan dan pemuliharaan hutan h. Membina taman mini di kawasan sekolah	d.Mengenal pasti jenis-jenis tumbuhan berikut i. Buluh ii.Palma iii. Rotan iv. Paku Pakis v. Tumbuhan perubatan vi.Tumbuhan komersil e. Aktiviti kitaran semula kertas surat khabar lama f. Membuat ketuhar tenaga solar g. Karangan alam sekitar h. Deklamasi sajak alam sekitar	
--	--	--

5.0 KEUSAHAWANAN

5.1 MATLAMAT

Memupuk minat di kalangan generasi pelajar agar dapat mengembangkan kreativiti masing-masing dan sikap berjimat cermat serta membenci amalan membazir, di samping membina asas kemahiran pemasaran perniagaan sehingga menjadikan keusahawanan sebagai budaya hidup.

5.2 OBJEKTIF

1. Membina kemahiran reka cipta di kalangan generasi pelajar dengan menggunakan bahan-bahan terbuang seperti kayu, logam dan jerami sehingga dapat menghasilkan bahan kraftangan, hiasan, tulisan khat dan lain-lain.
2. Membina kemahiran asas dalam bidang perniagaan, pemasaran dan perakaunan agar dapat memasarkan reka cipta yang dihasilkan.
3. Melahirkan generasi muda yang berwawasan sehingga dapat menjadikan bidang keusahawanan sebagai satu cara hidup.

1. REKA CRIPTA		
TAHAP 1 – TINGKATAN 1	TAHAP 2– TINGKATAN 2 & 3	TAHAP 3 – TINGKATAN 4 & 5
a. Bengkel perkakas mudah berdasarkan aktiviti b. Merekacipta bahan-bahan buangan c. Merekacipta kraf tangan i. Kulit siput ii. Bahagian pokok kelapa iii. Kayu – pengepit baju d. Cetak baju - Silk Screen i. Dye biasa @ Embos ii. Cetak baju-T e. Berkhidmat di koperasi sekolah	a. Merekacipta bahan-bahan terbuang b. Membuat kraftangan drpd kayu, logam dan jerami c. Merekacipta logo yang bertemakan KRS d. Memasarkan bahan-bahan jualan untuk tabung kadet e. Merekacipta satu projek elektronik	a. Membaik pulih perkakas mudah seperti perkakas elektrik, enjin dan sebagainya b. Merekacipta satu projek kerja kayu untuk kegunaan taman atau bilik KRS c. Melaksanakan satu projek yang boleh di pasarkan di sekolah untuk tabung KRS d. Memahami kaedah asas penulisan buku akaun

2. JAHITAN		
TAHAP 1 – TINGKATAN 1	TAHAP 2– TINGKATAN 2 & 3	TAHAP 3 – TINGKATAN 4 & 5
a. Pengenalan mengenai jahitan i. Alatan mengukur dan menanda ii. Alatan menggunting iii. Alatan menjahit iv. Alatan menekan b. Jahitan asas i. Jahitan sementara ii. Jahitan menyambung iii. Jahitan pengemas c. Jahitan tudung i. Cara menggunting ii. Cara menjahit	a. Jahitan i. Jahitan silang pangkah ii. Jahitan silang padu iii. Jahitan bulu ayam iv. Jahitan suji bilang v. Jahitan batang vi. Jahitan mata lalat b. Sulaman i. Alas meja ii. Sapu tangan	a. Asas bahagian mesin jahit i. Tiang gelendong benang ii. Skru penekan benang iii. Gigi penolak iv. Pemusing gelendong b. Cara menggunakan dan menjaga mesin c. Mengenalpasti jahitan mesin tidak kemas i. Jahitan melompat-lompat ii. Benang terputus-putus iii. Kelim berkedut d. Jahitan i. Beg pensil ii. Cara menjahit

3. MASAKAN		
TAHAP 1 – TINGKATAN 1	TAHAP 2– TINGKATAN 2 & 3	TAHAP 3 – TINGKATAN 4 & 5
a. Pengurusan di dapur i. Bahan-bahan asas ii. Kegunaan, kedudukan dan penjagaan iii. Keselamatan iv. Sanitasi semasa penyediaan makanan b. Makanan dan pemakanan i. Nutrien asas ii. Akibat kekurangan dan kelebihan iii. Penyediaan diet seimbang c. Bahan-bahan asas makanan i. Rempah ratus ii. Jenis-jenis tepung iii. Jenis-jenis beras iv. Jenis-jenis perasa d. Prinsip-prinsip memasak i. Merebus ii. Menggoreng iii. Membakar iv. Mengukus e. Masakan waktu darurat i. Perkhemahan	a. Etika di pasar i. Mengenal bahan-bahan mentah ii. Mengenal bahan-bahan kering b. Kepenggunaan i. Tanggungjawab pengguna ii. Cara memilih barang-barang keperluan c. Pencuci mulut / desert i. Puding, kastard dan kuih acuan ii. Agar-agar iii. Buah-buahan d. Keperluan nasi dan lauk pauk	a. Kuih-kuih tempatan i. Penyediaan beterbekal ii. Variasi kuih b. Pastrri i. Penyediaan pastrri ii. Variasi Pastrri c. Kek i. Sebab-sebab kek bantat d. Hiasan hidangan i. Ising ii. Susun atur hidangan

4. KRAFTANGAN		
TAHAP 1 – TINGKATAN 1	TAHAP 2– TINGKATAN 2 & 3	TAHAP 3 – TINGKATAN 4 & 5
a. Pengenalan dan penggunaan kraftangan i. Hiasan ii. Penghargaan b. Hiasan dari bahan semulajadi dan kitar semula i. Cara penjagaannya c. Pembungkusan i. Teknik pembungkusan	a. Gubahan hidup kering i. Cara penyediaan ii. Kedudukan gubahan iii. Aplikasi gubahan b. Lipatan kain i. Teknik lipatan ii. Jenis dan kesesuaian lipatan iii. Aplikasi lipatan c. Origami i. Teknik origami ii. Aplikasi	a. Suji bilang / Cross-stich i. Cara membuatnya b. Kait mengait i. Peralatan dan cara menggunakannya ii. Aplikasi hasil kait-mengait

**KURIKULUM
TUNAS KADET REMAJA SEKOLAH MALAYSIA
(TUNAS KRS)**

1.1 TERAS

1.1.1 Pendidikan Kerohanian/Moral

- memahami dan mengenal Tuhan
- amalan mulia yang perlu –menghormati ibubapa/guru/pemimpin
- tanggungjawab sebagai pelajar/warganegara/anggota masyarakat.
- mengenal/mengamalkan nilai-nilai murni/amalan-amalan mulia termasuk konsep kebersihan/kesihatan dalam kehidupan seharian.
- mengenal adat istiadat bangsa/kaum di Malaysia.

1.1.2 Pendidikan Ketatanegaraan/Patriotisma

- Mengenal bendera negara Malaysia termasuk makna yang terdapat pada bendera tersebut.
- menyanyi lagu ‘Negaraku’ dengan penuh semangat, serta lagu-lagu patriotik yang lain.
- Memahami dan Menghayati Rukun Negara.
- Konsep kekeluargaan
- Kebudayaan Melayu serta kebudayaan lain-lain kaum.
- Mengenal tokoh-tokoh pejuang Kemerdekaan Negara dan tokoh-tokoh negara.

1.1.3 Latihan Fizikal

- Senaman
- Latihan kecergasan
- Latihan asas kawad kaki
- Latihan merentas halangan

UMUM / (ELEKTIF)

1.2.1 Aktiviti di darat

- penggunaan kompas
- aktiviti pandu arah
- ikhtiar hidup

1.2.2 Aktiviti Mental

- Latihan kumpulan dinamik.
- Latihan mencipta logo dan slogan.
- Latihan sumbangsaran.
- Latihan membuat perancangan dan keputusan mengamalkan sikap terbuka berfikiran positif dalam aktiviti percambahan fikiran dan berjaya mengatasi masalah.
- Latihan membuat persembahan (kebudayaan/lain-lain) secara berkumpulan.

1.2.3 Aktiviti Ketahanan Diri

- latihan kawat kaki untuk pertandingan/persembahan/upacara-upacara rasmi.
- latihan asas Bantu Mula.
- latihan kecemasan semasa kebakaran.
(latihan kebombaan)
- latihan membuat ikatan dan simpulan yang mudah.
- tatatertib Pasukan Pakaian Seragam.
- Membaca dan menafsir peta.

1.2.4 Aktiviti Pendidikan Luar

- perkhemahan.
- orienteering.
- Rekreasi tali : i. abseiling
 ii. flying-fox.
- menggunakan tali (ikat dan simpulan)
- kembara

1.2.5 Aktiviti Pendidikan Alam Sekitar

- mengenal tumbuh-tumbuhan.
- mengenal binatang
- menyedari kepentingan flora dan fauna.
(penjagaan pokok-pokok)
- cara mengatasi masalah kepupusan tumbuhan dan haiwan
- menjaga kebersihan alam sekitar.

1.2.6 Aktiviti Kemahiran Hidup (Keusahawanan)

- merekacipta daripada bahan-bahan terbuang.
- mengitar semula.
- membaikpulih perabot.
- membuat kraftangan/gejet.
- latihan memasak.
- latihan asas jahitan.

1.2.7 Aktiviti di Air

- Keyakinan di air (“water confidence”)
- Latihan keselamatan semasa berada di air
- Latihan asas berenang

1.2.8 Aktiviti khidmat kepada sekolah.

- khidmat guna tenaga.
- persembahan kebudayaan .
- gotong-royong.
- memakmurkan kemudahan sekolah.
- Keceriaan / Keselamatan / Kebersihan Sekolah

A. DISIPLIN DAN KEROHANIAN

Matlamat

Melahirkan generasi pelajar yang cintakan negara, mempunyai disiplin diri yang kental, berpegang teguh

kepada ajaran agama serta berbakti kepada masyarakat.

Objektif

- Melahirkan pelajar yang bersemangat patriotisme.
- Menyediakan generasi pelajar berdisiplin dalam menghadapi cabaran yang mendatang.
- Membina generasi pelajar yang mengetahui, memahami, menghayati, mengamalkan akhlak mulia serta menyumbang ke arah hidup berkeluarga yang bahagia, bermasyarakat harmonis dan bernegara.

1. KEROHANIAN/PENDIDIKAN MORAL

TAHUN 4	TAHUN 5	TAHUN 6
i. Buat baik dibalas baik. ii. Waspada sebelum kena. iii. Kesetiaan kepada Negara. iv. Sahabat Setia v. Pengukuhan Amalan Nilai-Nilai Pendidikan Agama / Moral	vi. Teguran membina. vii. Balasan Jujur. viii. Berakit-rakit ke hulu. ix. Contohilah labah-labah x. Belas Kasihan. xi. Adat-resam masyarakat Malaysia xii. Pengukuhan Amalan Nilai-Nilai Pendidikan Agama/Moral	i. Kalau cermat tentu selamat. ii. Budi Bahasa iii. Hormat menghormati iv. Bersyukur dan kerjasama. v. Tamadun Islam vi. Pengukuhan Amalan Nilai-Nilai Pendidikan Agama/Moral

2. KETATANEGARAAN		
i. Pengenalan Logo KRS ii. Bendera KRS iii. Lagu KRS iv. Lagu TKRS	v. Lambang dan Bendera Negeri-Negeri. vi. Rukun Negara vii. Pemimpin sekolah/tempatan	viii. Lagu-lagu Patriotik ix. Pemimpin Negeri/Negara
3. PENGURUSAN DAN GAYA DIRI		
i. Tanggungjawab terhadap diri - Memelihara kesihatan tubuh badan. - Pengurusan diri.	i. Tanggungjawab terhadap tempat kediaman. - kekemasan bilik tidur. - Keselamatan diri.	i. Tanggungjawab terhadap masyarakat. - Adab bergaul : Keluarga Jiran tetangga Guru / rakan Majlis rasmi Batas- batas pergaulan.

B. KETAHANAN DIRI DAN KEBUDAYAAN

Matlamat

Melahirkan generasi pelajar yang sihat fizikal, mental, berdaya tahan, berpotensi dan berketrampilan serta mampu menghindarkan diri daripada gejala sosial yang buruk dengan menjadikan budaya ilmu sebagai tatacara hidup.

Objektif

- Melahirkan insan yang sihat fizikal dan mental
- Memupuk bakat serta potensi yang sedia ada serta mampu memenuhi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah.
- Mengurangkan ketegangan fikiran dan mampu menyelesaikannya secara bijaksana.

1. KAWAT

TAHUN 4	TAHUN 5	TAHUN 6
i. Asas Kawad Statik; - Masuk baris - Paraskan skuad - Kanan lurus - Senang diri - Skuad sedia - Buka / Tutup barisan - Ke kanan/ke kiri pusing - Menghadap ke belakang / hadapan - Hentak kaki - Keluar baris	i. Asas Kawad Statik a. Kawat Dinamik; - Mula langkah kaki kanan - Tatacara Hormat - Tukar langkah semasa berjalan - Berpusing ke belakang semasa berjalan i. Istiadat menaik / menurunkan bendera.	ii. Asas Kawad Statik iii. Kawad Dinamik iv. Hormat; - Ke kiri / ke kanan hormat - ke hadapan hormat - selaku terima sijil/hadiah

2. PERKHEMAHAN

TAHUN 4	TAHUN 5	TAHUN 6
i. Pengenalan jenis khemah ii. Mendirikan khemah iii. Memilih tapak perkhemahan. iv. Perlindungan semulajadi v. Komunikasi	i. Punca air ii. Kebersihan iii. Keselamatan iv. Pemuliharaan v. Asas Gajet - kraf perkhemahan.	i. konservasi (pemuliharaan) ii. Kegiatan di kawasan perkhemahan iii. Asas Gajet -Kraf perkhemahan.

3. IKATAN TALI

TAHUN 4	TAHUN 5	TAHUN 6
i. Simpulan dan Asas Ikatan - Simpulan Buku Sila - Simpulan Bunga Ketik - Simpulan Manuk - Simpulan Pengail	i. Simpulan dan Ikatan ; - Simpulan Tindih Kasih - Simpul Belit - Ikatan Balak - Ikatan Seraya ii. Rekreasi Tali	i. Simpulan dan ikatan ; - Ikatan Serong - Ikatan Silang Gunting - Mengemaskan tali ii. Rekreasi Tali

4. IKHTIAR HIDUP

TAHUN 4	TAHUN 5	TAHUN 6
i. Mengenali tanda-tanda isyarat. ii. Menyalakan api iii. Menyediakan menu dan makanan	i. Menyediakan sarapan diri dan kumpulan. ii. Teori memasak secara survival. iii. Teori khemah sementara.	i. Latihan amali. (Perkhemahan)

5. KOMUNIKASI

TAHUN 4	TAHUN 5	TAHUN 6
---------	---------	---------

Kaedah-kaedah ; i. Lisan ii. Bertulis	Kaedah-kaedah ; i. Tanda Isyarat ii. Wisel	Latihan Amali
---	--	---------------

6. IKLIM

TAHUN 4	TAHUN 5	TAHUN 6
i. Cuaca ii. Suhu iii. Hujan iv. Tanda-tanda hujan	i. Awan dan jenis-jenisnya ii. Angin.	i. Latihan Amali.

7. BANTU MULA

TAHUN 4	TAHUN 5	TAHUN 6
i. Pengenalan Peti Bantu Mula ii. Rawatan Kecil ; - mencuci luka - balutan luka - pengenalan anduh	i. Merawat luka-luka kecil ii. Anduh iii. Membantu rakan ; - rawatan kecil - anduh.	i. Teori teknik usungan ii. Latihan Amali.

8. ASAS KEBOMBAAN

TAHUN 4	TAHUN 5	TAHUN 6
---------	---------	---------

i. Pengenalan asas Pengenalan alat pemadam api di persekitaran sekolah	i. Punca-punca kebakaran ii. Cara-cara mengelak kebakaran ii. Latihan kebakaran	i. Cara menyelamatkan diri. ii. Cara menggunakan alat pemadam api.
9. REKREASI		
TAHUN 4	TAHUN 5	TAHUN 6
i. Asas dan peraturan dalam permainan bola sepak/bola jaring ii. Sukaneka iii. Permainan tradisional iv. Asas persilatan v. Keyakinan di air	i. Permainan Kim ii. Sukaneka iii. Pengenalan kompas iv. ' Blind Trail ' v. Mencari arah vi. Asas persilatan vii. Keyakinan di air	i. Sukan & permainan ii. Orienteering iii. Kembara
10. KEBUDAYAAN		
TAHUN 4	TAHUN 5	TAHUN 6
i. Mengenali budaya pelbagai kaum di Malaysia. ii. Memahami agama dan kepercayaan pelbagai kaum di Malaysia. iii. Persembahan Kebudayaan -nasyid, koir, pantun , dikir barat, syair dan lain-lain	i. Mengenali pantang larang pelbagai kaum ii. Hari Kebesaran Kaum (agama) iii. Hari Perayaan kaum iv. Persembahan -Nasyid, lakonan, pentomen, sketsa dan lain-lain.	i. Pergaulan ii. Adat Istiadat iii. Mengenal alat-alat muzik tradisional.

C. KHIDMAT MASYARAKAT – KHIDMAS

MATLAMAT

Melahirkan generasi pelajar yang sanggup berbakti, tolong menolong dan berlumba-lumba melakukan amal kebajikan dalam kehidupan seharian tanpa mengira agama kaum dan etnik.

OBJEKTIF

- Melahirkan insan yang mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat
- Mengukuhkan ikatan persaudaraan, kekeluargaan dan mengeratkan hubungan kemasyarakatan
- Melahirkan insan yang prihatin terhadap tugas dan tanggungjawab sebagai anggota

masyarakat serta mengamalkan budaya simpati dan empati dalam kehidupan harian

Tahun 4	Tahun 5	Tahun 6
i. Gotong-royong membersihkan kawasan sekolah	i. Gotong-royong membersihkan - tempat ibadat, balairaya, tanah perkuburan dan lain-lain.	i. Projek khidmat bakti - gotong royong - lawatan dan ziarah (jiran / masyarakat setempat / rumah anak yatim / hospital / dan lain-lain)

D. ALAM SEKITAR**MATLAMAT**

Membina dan melahirkan generasi pelajar yang mencintai dan menghargai alam sekitar.

OBJEKTIF

- Melahirkan insan yang sentiasa bersyukur dengan menghayati alam sekitar
- Memupuk sikap prihatin insan terhadap sumbangan dan kepentingan alam sekitar kepada kehidupan.
- Memahami rantai hidup antara alam sekitar dengan manusia sejagat.
- Bertanggungjawab dalam pemuliharaan alam sekitar.

Tahun 4	Tahun 5	Tahun 6
i. Mengenal tumbuhan	ii. Memerhati dan merekod serangga ii. Memelihara dan memulihara sungai	i. kitar semula ii. ekosistem

E. KEUSAHAWANAN**MATLAMAT**

Melahirkan generasi pelajar yang berpotensi menyesuaikan diri dalam pelbagai bidang keusahawanan

OBJEKTIF

- Memupuk bakat serta potensi yang sedia ada di kalangan pelajar serta mampu memenuhi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah.
- Melahirkan insan yang kreatif dan inovatif.

JAHITAN

Tahun 4	Tahun 5	Tahun 6
i. Pengenalan alat jahitan ii. Pengenalan asas jahitan	iii. Jahitan silang pangkah. iv. Jahitan cantuman	v. Asas-asas sulaman

MASAKAN

i. Pengenalan - peralatan dapur - kegunaan & penjagaan - keselamatan	i. Pengenalan bahan - rempah ratus - jenis tepung - jenis beras - jenis perasa ii. Memasak air iii. Merebus iv. Menggoreng v. Membakar	i. Latihan Amali
--	--	------------------

KRAFTANGAN

i. Pengenalan & kegunaan kraftangan - hiasan - cenderahati - bahan semulajadi	i. Hiasan dari bahan terbuang dan bahan semulajadi. ii. Cara penjagaan	iii. Gubahan bunga iv. Membuat senduk v. Bahan semulajadi – anyaman.
---	---	--

KURIKULUM ``TRAINING OF TRAINERS” [TOT]

1.0 KURSUS PENDEDAHAN JAWATAN LEFTENAN MUDA KRS [KURSUS TAHAP 1]

1. Kandungan perlembagaan KRS
2. Falsafah aktiviti bersepadu KRS
3. Kemahiran penyampaian
4. Perancangan program latihan
5. Penyelesaian masalah
6. Aktiviti – aktiviti kemahiran KRS
 - i. Disiplin dan kerohanian
 - ii. Ketahanan dan kebudayaan
 - iii. Keusahawanan
 - iv. Alam sekitar
 - v. Khidmat masyarakat [Khidmas]
7. Pengukuran dan penilaian.

2.0 KURSUS PENGESAHAN JAWATAN LEFTENAN [KURSUS TAHAP II]

1. Memahami kandungan perlembagaan
 - i. Memahami falsafah aktiviti bersepadu KRS
2. Aktiviti kemahiran KRS
Ujian Pre Test [Bertulis dan praktikal]
 - i. Disiplin dan kerohanian
Penghayatan semasa kursus
Ketepatan masa
Kepimpinan
 - ii. Ketahanan dan kebudayaan
Ujian bertulis
 - iii. Keusahawanan
Merekacipta
Kertas perancangan aktiviti kewangan
Pemasaran
 - iv. Alam sekitar
Kitaran kertas
Oven
 - v. Khidmas
Projek sehari bersama masyarakat
3. Pengujian dan Penilaian
Ujian bertulis

3.0 SUKATAN KURSUS TOT / PEGAWAI

3.1 Kandungan Perlembagaan KRS/TKRS

- 3.1.1 Melahirkan pegawai yang mampu mempraktikkan semua isi kandungan Kurikulum KRS/TKRS
- 3.1.2 Memupuk pegawai yang mampu bertanggungjawab penuh dengan perlembagaan KRS/TKRS
- 3.1.3 Membina pegawai KRS /TKRS yang sentiasa mengamalkan dan menjunjung tinggi perlembagaan KRS/TKRS

3.2 Falsafah Aktiviti Bersepadu KRS/TKRS

- 3.2.1 Menerapkan falsafah aktiviti bersepadu KRS dalam kehidupan pegawai KRS/TKRS
- 3.2.2 Mewujudkan semangat bekerjasama dalam kumpulan
- 3.2.3 Melahirkan pegawai KRS/TKRS yang kreatif dan berwawasan tinggi

3.3 Kemahiran Penyampaian

- 3.3.1 Melahirkan pegawai yang bertrampilan dalam semua situasi
- 3.3.2 Memupuk semangat dan kecekalan dalam usaha membentuk serta membina insan
- 3.3.3 Membina generasi yang mahir dan cekal hati dalam penyampaian maklumat

3.4 Penyelesaian Masalah

- 3.4.1 Melahirkan pemimpin yang berwawasan dan tabah menghadapi cabaran hidup
- 3.4.2 Memberi kesedaran peningkatan permasalahan disiplin pelajar menyelesaikan dengan cara teratur dan berkesan.
- 3.4.3 Menggalakkan pegawai sentiasa peka kepada penyelesaian masalah secara pro aktif

3.5 Aktiviti KRS/TKRS

- 3.5.1 Memantapkan kefahaman tentang peranan pemimpin dalam KRS/TKRS
- 3.5.2 Merealisasikan konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan sejajar dengan Wawasan 2020
- 3.5.3 Menggalakkan masyarakat turut serta menyumbangkan idea dan tenaga untuk kemajuan KRS/TKRS

3.6 Penilaian dan Pengukuran

- 3.6.1 Melahirkan pegawai yang bertanggungjawab kepada amanah yang diberi sepanjang kursus dijalankan
- 3.6.2 Menilai secara terperinci kejayaan isi kandungan kursus TOT
- 3.6.3 Memupuk semangat sentiasa ingin maju dalam semua bidang yang diceburi.

4.0. KURSUS LAIN–LAIN PANGKAT [PEMIMPIN PELAJAR]

1. Memahami kandungan perlembagaan KRS/TKRS
2. Memahami falsafah aktiviti bersepadu KRS/TKRS
3. Kemahiran penyampaian
4. Perancangan program latihan
5. Penyelesaian masalah
6. Aktiviti kemahiran KRS/TKRS
 - a. Disiplin dan kerohanian
 - b. Ketahanan dan kebudayaan
 - c. Keusahawanan
 - d. Alam sekitar
 - e. Khidmat masyarakat [Khidmas]
7. Pengukuran dan penilaian

KADET REMAJA SEKOLAH DAN
TUNAS KADET REMAJA SEKOLAH

STRUKTUR DAN SISTEM


KENAIKAN PANGKAT

1.0 KEKUATAN DAN KEANGGOTAAN KADET REMAJA SEKOLAH

1.1 KOMPENI (KRS)

Satu kompeni terdiri daripada gabungan 4 platun diketuai oleh Ketua Kompeni berpangkat Mejar / Kapten dibantu oleh Penolong Ketua Kompeni, Ejutan, Pegawai Waran, Staf Sarjan dan 4 orang Ketua Platun


Carta Organisasi



1.2 PLATUN (KRS)

Setiap platun dianggotai seramai 38 orang anggota yang diketuai oleh 1 pegawai, 1 sarjan, 3 koperal dan 3 lans koperal serta 30 anggota kadet


Carta Organisasi Platun



1.3 SEKSYEN (KRS)

Setiap seksyen dianggotai seramai 12 anggota yang diketuai oleh 1 koperal, 1 lans koperal dan 10 anggota kadet.

Carta Organisasi Platun




2.0 KEKUATAN DAN KEANGGOTAAN TUNAS KADET REMAJA SEKOLAH

2.1 KOMPENI (TKRS)

Satu kompeni terdiri daripada gabungan 4 platun diketuai oleh Ketua Kompeni berpangkat Mejar / Kapten dibantu oleh Penolong Ketua Kompeni, Ejutan, Sarjan TKRS dan 4 orang Ketua Platun


Carta Organisasi



2.4 PLATUN (TKRS)

Setiap platun dianggotai seramai 38 orang anggota yang diketuai oleh 1 pegawai, 1 sarjan TKRS, 3 kopersal TKRS dan 3 lans kopersal TKRS serta 30 anggota kadet


Carta Organisasi Platun



2.5 SEKSYEN (TKRS)

Setiap seksyen dianggotai seramai 12 anggota yang diketuai oleh 1 kopersal TKRS, 1 lans kopersal TKRS dan 10 anggota kadet.

Carta Organisasi Platun



3. SISTEM PANGKAT KADET REMAJA SEKOLAH / TUNAS KADET REMAJA SEKOLAH

Pengetua / Guru Besar	: Komandan KRS / TKRS
Penolong Kanan Kokurikulum	: Timbalan Komandan KRS / TKRS
Guru Pemimpin	: Pegawai Platun
Pengerusi	: Pegawai Waran KRS / Sarjan TKRS
Naib Pengerusi	: Sarjan KRS / Koperal TKRS
Setiausaha	: Koperal KRS / TKRS
Bendahari	: Koperal KRS / TKRS
Ahli Jawatankuasa	: Koperal dan Lans Koperal KRS / TKRS
Ahli-ahli	: Semua anggota KRS / TKRS yang berdaftar di sekolah

Catatan:

Pengetua / Guru Besar	: Komandan KRS / TKRS. Lantikan secara automatik sebagai Pegawai Pengurusan dengan nama panggilan Komandan KRS / TKRS Sekolah.
Penolong Kanan Kokurikulum	: Timbalan Komandan KRS / TKRS. Lantikan secara automatik sebagai Pegawai Pengurusan dengan panggilan Timbalan Komandan KRS / TKRS Sekolah.
Pemimpin	: Pegawai Platun. Wajib menghadiri Kursus Pegawai KRS Tahap 1 dengan lulus dan ditauliahkan sebagai pegawai dengan pangkat Leftenan Muda KRS. : Kenaikan pangkat Leftenan KRS - Telah mengikuti Kursus Pegawai KRS Tahap 2 dan lulus. : Kenaikan Pangkat Kapten KRS Telah mengikuti kursus pengurusan peringkat negeri/ kebangsaan dan telah mengendalikan beberapa program/aktiviti peringkat negeri/kebangsaan. Telah menjadi jurulatih kanan KRS negeri selama 3 tahun. : Kenaikan Pangkat Mejar KRS Telah mengikuti kursus pengurusan peringkat kebangsaan dan telah mengendalikan beberapa program/aktiviti peringkat negeri/kebangsaan. Telah menjadi jurulatih kanan KRS negeri selama 3 tahun Merupakan salah seorang Pegawai Tadbir Negeri atau Ketua Jurulatih Negeri atau Pegawai Istiadat Negeri atau Pegawai Teknikal Negeri atau Pegawai Hal Ehwal Wanita Negeri.

JADUAL KURSUS

KEPIMPINAN PELAJAR KADET REMAJA SEKOLAH

MASA HARI	O530 O630	O600 O700		O700 O800	O800 O830	O830-1030	1030 1100	11.00 - 1300	1300 1430	1430 1630	1630 2030	2030-2230	
PERTAMA										PENDAFTARAN TAKLIMAT SUAIKENAL	DIRI KHEMAH	PENGHAYATAN ROHANI	
KEDUA	S O L	P E N	P E R	T A K		S A R A P A N P A G I	PENILAIAN PERLEMBAGAAN KRS	R E H A T	PENGHAYATAN KURIKULUM KRS	SOLAT & MAKAN TENGAH HARI	KEMAHIRAN KEJURULATIHAN	SOLAT	KEMAHIRAN KEJURULATIHAN
KETIGA	A T / K U L I A H	U R S A N	D I M P U N A N	K A W A D		KEMAHIRAN TALI	ABSEILING		MERENTAS HALANGAN		MINUM PETANG	PENGHAYATAN ROHANI	
KEEMPAT						KEMAHIRAN BERFIKIR	KEMAHIRAN BERFIKIR				KEMAHIRAN BERFIKIR	MAKAN MALAM	KHIDMAS
KELIMA						PENILAIAN	PENUTUP		BERSURAI				

JADUAL KURSUS

PENGESAHAN JAWATAN LEFTENAN KADET REMAJA SEKOLAH TAHAP 2

MASA HARI	O530 O630	O600 O700	O700 O800	O800 O830	O830-1030	1030 1100	11.00 - 1300	1300 1430	1430 1630	1630 2030	2030-2230		
PERTAMA									PENDAFTARAN TAKLIMAT SUAIKENAL	DIRI KHEMAH	PENGHAYATAN ROHANI		
KEDUA	S O L A T / K U L I A H	P E N G U R U S A N	P E R H I M P U N A N	T A K L I M A T	K A W A D	S A R A P A N P A G I	PENILAIAN PERLEMBAGAAN KRS	R E H A T	PENGHAYATAN KURIKULUM KRS	SOLAT & MAKAN TENGAH HARI	KEMAHIRAN KEJURULATIHAN	SOLAT	KEMAHIRAN KEJURULATIHAN
KETIGA							KEMAHIRAN TALI		ABSEILING		MERENTAS HALANGAN	MINUM PETANG	PENGHAYATAN ROHANI
KEEMPAT							KEMAHIRAN BERFIKIR		KEMAHIRAN BERFIKIR		KEMAHIRAN BERFIKIR	MAKAN MALAM	KHIDMAS
KELIMA							PENILAIAN		PENUTUP		BERSURAI		

JADUAL KURSUS

PENGESAHAN JAWATAN LEFTENAN MUDA KADET REMAJA SEKOLAH

TAHAP 1

MASA HARI	0530 0630	0600 0700	0700 0800		0800 0830	0830-1030		1030-1100	11.00 - 1300		1300 1430	1430 1630		1630 2030	2030-2230	
1												PENDAFTARAN TAKLIMAT/SUAIKENAL	DIRI KHEMAH	FALSAFAH AKT. BERSEPADU KRS		
2	S	P		P			S	PERLEMBAGAAN KRS		BANTU MULA KHIDMAS	SOLAT & MAKAN TENGAH HARI	MERENTAS HALANGAN	SOLAT	KEMAHIRAN KEJURULATIHAN		
3	L	E		E			R	BANTU MULA KAYAK	R	KEMAHIRAN TALI KAYAK		KEMAHIRAN KEJURULATIHAN		PENGHAYATAN ROHANI		
4	T	G		H	A	A	P	KEMAHIRAN BERFIKIR	H	KEMAHIRAN BERFIKIR		MERENTAS HALANGAN		MINUM PETANG	PENGHAYATAN ROHANI	
5	K	R	I	M	L	A	N	ALAM SEKITAR	T	PENGURUSAN LATIHAN		KEUSAHAWANAN BANTU MULA		MAKAN	PENGHAYATAN ROHANI	
6	L	S	I	U	M		P	ABSEILING PANDU ARAH/ ORIENTEERING		ABSEILING PANDU ARAH/ ORIENTEERING		KAWAT TONGKAT		MALAM	IKHTIAR HIDUP	
7	A	N		A	T		G	KAWAT TERIMA SIJIL		PENUTUP		BERSURAI				
	H			N			I									

PANDUAN KAWAD

(KRS DAN TKRS)

BAB SATU

PANDUAN UNTUK JURULATIH

Buku kawad ini bertujuan untuk memberi panduan kepada jurulatih supaya dapat mengajar pegawai/kadet tatacara kawad dengan betul dan dapat dilaksanakan dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab.

Selain daripada itu matlamat untuk melahirkan pegawai/kadet, Kadet Remaja Sekolah yang mempunyai disiplin diri yang kental, berpegang teguh kepada ajaran agama dan sanggup mempertahankan agama bangsa dan negara dapat dicapai.

BAHAGIAN I

PENDIRIAN SEORANG JURULATIH

Sikap dan pendirian yang tetap dan betul adalah sangat penting bagi seseorang jurulatih kerana ia akan dicontohi dan diteladani.

Apabila hendak mengajar kawad, jurulatih hendaklah berdiri dengan cara yang betul. Pergerakan badan, kepala dan tangan hendaklah pada kadar yang minimum ketika memberi hukuman. Ini akan menampakkan kekemasan dan disiplin yang tinggi.

Apabila hendak melakukan sesuatu pergerakan kawad jurulatih, hendaklah melakukan mengikut tatacara kawad.

Demonstrasi atau cara melakukan sesuatu pergerakan itu mestilah kemas dan mantap. Apabila hendak menunjukkan pergerakan-pergerakan tongkat, maka pertunjukan itu hendaklah dilakukan dengan tongkat sahaja.

BAHAGIAN II

KAEDAH MENGUASAI KEMAHIRAN KAWAD TERBAIK

Bagi menguasai kemahiran berkawad yang baik, seseorang jurulatih perlu ada dua perkara penting; pertama mempunyai prasangka yang baik dan yang kedua kebijaksanaan. Mempelajari kawad bukan satu perkara yang mudah. Oleh hal yang demikian seseorang jurulatih hendaklah bijak dan pandai mengarah skuad itu supaya melaksanakan latihan kawad dengan kemas dan sempurna.

Jurulatih yang bijak dan baik akan melahirkan skuad yang kemas dan berdisiplin.

Jurulatih hendaklah memberi pujian pada tempat yang sepatutnya. Sesuatu arahan hendaklah sesuai dengan tahap kadet serta peringkat ilmu yang telah diterima.

Jurulatih tidak boleh memberi hukuman kawad yang belum diajar. Peranan jurulatih adalah melatih skuadnya sebaik yang boleh dan mengajar mereka supaya berkelakuan baik dan berdisiplin tinggi seperti jurulatih itu sendiri.

Kaedah Peningkatan Pengajaran Kawad

1. Pengajar/Jurulatih memberi hukuman penuh dan pertunjukan, sebagai contoh " Bergerak ke kanan.....kanan pusing "
2. Pengajar/Jurulatih memberi hukuman dengan nombor dan pertunjukan serta penerangan, contoh " Bergerak ke Kanan dengan nombor.....kanan pusing.....satu, "satu" (perbuatan) skuad dua, "dua" (perbuatan) .
Penerangan:
Apabila mendapat hukuman ke kanan pusing satu, dengan menetapkan kedua-dua lutut lurus, hendaklah berpusing sebanyak 90 darjah ke kanan, di atas tumit kaki kanan dan hujung kaki kiri dengan mengangkat hujung kaki kanan dan tumit kaki kiri. Apabila sampai ke hala yang baru tapak kaki kanan terletak atas bumi menyerong ke kanan dan tumit kaki kiri terangkat. Kedua-dua lutut lurus, badan tegak seperti kedudukan sedia . Keberatan badan di atas kaki kanan. Apabila mendapat hukuman skuad dua, angkat kaki kiri 45* dan hentak di sebelah kaki kanan dengan pantas kepada kedudukan sedia. Lain-lain anggota diam.
3. Bahasa hukuman dan kiraan masa daripada pengajar/jurulatih manakala perbuatan daripada anggota atau skuad, contoh
Jurulatih : " Bergerak ke kanan dengan nombor.....kanan pusing.....satu"
Anggota : " satu " (berteriak dan melaksanakan perbuatan)

4. Kawat hubungan- anggota dibahagikan secara berpasangan, seorang memberi arahan dan seorang lagi melaksanakan perbuatan silih berganti.
5. Pengajar atau jurulatih memberi bahasa hukuman yang penuh, masa dan perbuatan daripada anggota
Jurulatih : " Bergerak ke kanan, kanan.....pusing.
Anggota : Melaksanakan pergerakan dengan penuh mengikut bahasa hukuman daripada pengajar atau jurulatih.

BAHAGIAN III

MEMBETULKAN KESILAPAN

Setiap kesilapan yang dilakukan oleh jurulatih hendaklah dibuat pembetulan sebelum jurulatih itu meninggalkan padang kawad.

Sebarang teguran oleh pegawai yang lebih tinggi pangkatnya hendaklah didengar dan dipatuhi. Walau bagaimanapun teguran itu hendaklah secara berhemah. Teguran itu merupakan pengajaran dan pendidikan bagi memperbaiki dirinya.

BAHAGIAN IV

PROSES LATIHAN

Jika pengajaran atau ilmu kawad hendak disampaikan, pelatih-pelatih hendaklah berdiri dan dapat melihat pergerakan jurulatih dengan jelas.

Bahasa hukuman yang digunakan hendaklah jelas dan tepat. Jika perlu bolehlah diberi penerangan tentang sesuatu pergerakan kawad yang dilakukan.

Untuk memudahkan pelatih-pelatih, lakukan demonstrasi sesuatu kawad itu secara lengkap dan sempurna dengan mengikut masa serta hukumannya.

Demonstrasi hendaklah dilakukan secara latihan kawat dengan nombor. Ulasan hendaklah diberi secara terperinci. Tumpukan kepada satu-satu pergerakan, setelah pelatih mahir barulah diajar pelajaran lain. Jurulatih hendaklah menunjukkan kesalahan-kesalahan yang biasa dilakukan semasa berkawat.

Kesilapan hendaklah diperbetulkan dan dilatih secara berulang-ulang. Perkara ini penting dalam proses latihan.

Rehat mestilah diberi mengikut kesesuaian antara satu pelajaran dengan satu pelajaran, terutama dalam proses kawat peringkat awal.

Apabila skuad dalam kedudukan rehatkan diri, jurulatih bolehlah menyoal skuadnya. Pertanyaan itu bukan hanya berkenaan kawad tetapi apa saja sama ada berkaitan dengan ilmu pengetahuan, pelajaran, nasihat, tujuan kehidupan, wawasan dan sebagainya.

BAHAGIAN V

BAHASA HUKUMAN

Bahasa hukuman yang jelas lagi tepat akan menghasilkan kawad yang baik. Semua jurulatih hendaklah mahir dengan bahasa hukuman.

Bahasa hukuman itu terbahagi kepada dua iaitu "**Bahasa amaran**" dan "**bahasa perbuatan**". Kedua-duanya hendaklah diberi dengan lantang dan terang.

Dalam buku panduan ini, semua bahasa hukuman sama ada "bahasa amaran" atau "bahasa perbuatan" dicetak dengan huruf tebal. Tanda titik-titik digunakan bagi memisahkan kedua-dua perkataan ini.

Setiap bahasa hukuman, hendaklah ada berhenti seketika ("pause") antara "bahasa amaran" dan "bahasa perbuatan" pada setiap kali hukuman diberi. Kadar masa berhenti seketika ("pause") tidak dapat ditentukan kerana perkataan hukuman antara satu sama lain berbeza; ada yang "masa cepat" dan ada pula yang "masa perlahan".

Jika perlu kembali semula kepada kedudukan asal, maka hukumannya ialah "Semula".

Biasakan memberi hukuman dengan suara yang kuat dan lantang. Seorang jurulatih hendaklah tegas. Suara yang kuat dan lantang serta tegas akan memberi dua kesan; pertama setiap bahasa hukuman yang diberi merupakan latihan. Kedua bahasa hukuman jika dibuat seperti berbual sahaja akan hilang ketegasannya dan akan menyebabkan kawad itu rosak.

BAHAGIAN VI

MASA BAGI BAHASA HUKUMAN

Jadual di bawah ini menunjukkan pada kaki manakah patut diberi "bahasa perbuatan". Sebagai panduan, jarak masa "bahasa amaran" diberi dengan kadar empat langkah semasa cepat jalan atau tiga langkah semasa perlahan jalan. Setiap "bahasa perbuatan" diberi apabila kaki kiri menjejak ke bumi kecuali diterangkan cara lain dalam jadual ini.

MASA MEMBERI BAHASA HUKUMAN

BAHASA HUKUMAN	HUKUMAN DIBERI SEMASA CEPAT JALAN	HUKUMAN DIBERI SEMASA PERLAHAN JALAN
HENTI DALAM MASA BERJALAN	SEMASA KAKI KIRI JEJAK KE TANAH	SEMASA KAKI KANAN MELALUI KAKI KIRI
CEPAT JALAN		CEPAT ATAS KAKI KANAN DAN JALAN ATAS KAKI KIRI
TUKAR LANGKAH CEPAT.....CEPAT JALAN		CEPAT ATAS KAKI KANAN JEJAK KE TANAH DAN JALAN ATAS KAKI KIRI JEJAK KE TANAH
KEKANAN PUSING	SEMASA KAKI KIRI JEJAK KE TANAH	SEMASA KAKI KANAN MELALUI KAKI KIRI
KE KIRI PUSING	SEMASA KAKI KANAN JEJAK KE TANAH	SEMASA KAKI KIRI MELALUI KAKI KANAN
HENTI (Semasa hentak kaki)	SEMASA KAKI KANAN JEJAK KE TANAH	SEBELUM KAKI KANAN JEJAK KE TANAH
MAJU (Semasa hentak kaki)	SEMASA KAKI KIRI JEJAK KE TANAH	SEBELUM KAKI KIRI JEJAK KE TANAH
TUKAR LANGKAH MASA BERJALAN TUKAR LANGKAH	TUKAR ATAS KAKI KANAN DAN LANGKAH ATAS KAKI KIRI	TUKAR ATAS KAKI KANAN DAN LANGKAH ATAS KAKI KIRI MELALUI KAKI KANAN
TUKAR LANGKAH PERLAHAN-PERLAHAN JALAN	SEMASA KAKI KANAN JEJAK KE TANAH	
BUKA/TUTUP BARISAN SEMASA BERJALAN	SEMASA KAKI KIRI JEJAK KE TANAH	SEMASA KAKI KANAN MELALUI KAKI KIRI
HORMAT	SEMASA KAKI KIRI JEJAK KE TANAH	SEMASA KAKI KANAN MELALUI KAKI KIRI

BAHAGIAN VII

SIFAT-SIFAT SESEORANG JURULATIH KAWAD

Seseorang jurulatih kawad hendaklah mempunyai sifat-sifat pemimpin dan pendidik seperti berikut :

- i. Kesabaran menghadapi sesuatu.
- ii. Ketabahan hati dan semangat yang bersungguh-sungguh.
- iii. Mempunyai kemahuan untuk maju.
- iv. Bertanggungjawab.
- v. Berperikemanusiaan.
- vi. Taat setia yang tidak berbelah bahagi.
- vii. Tahu semua pergerakan dan pandai membetulkan kesalahan.
- ix. Memuji dan menegur kesalahan.
- x. Bijak menyelesaikan sesuatu masalah.
- xi. Berpakaian kemas dan bersih yang boleh dicontohi dan diteladani.
- xii. Mempunyai mutu disiplin yang tinggi.

BAB KEDUA

KAWAD STATIK

BAHAGIAN SATU

SEDIA

Hukumannya :

"SkuadSedia"

Perbuatan :

Dengan pantas angkat kaki kanan, peha 45 darjah dan hentak padat di sebelah kaki kiri supaya terdengar satu bunyi sahaja. Kedudukannya ialah kedua-dua tumit rapat dan sebaris; hujung kaki terbuka 30 darjah; kedua-dua lutut bertahan lurus; badan tegak; timbang keberatan badan antara tapak kaki dengan tumit; kedua-dua bahu tarik ke bawah dan ke belakang (supaya dada terbuka tanpa perlu dikeraskan) sama rata; kedua-dua tangan lurus ke bawah; kedua-dua siku rapat ke badan ; pergelangan tangan lurus; jari-jari genggam; belakang jari rapat ke paha, ibu jari lurus menghala ke bawah dan rapat kepada telunjuk serta di belakang sedikit daripada penjahitan seluar; langut kepala memandang terus ke hadapan.

Kesalahan Biasa

1. Kedudukan yang terlalu kaku dan menyukarkan pernafasan.
2. Berdiri tidak tetap serta mata bergerak.
3. Kaki dan badan tidak lurus ke hadapan serta tumit tidak rapat.
4. Tangan bengkok dan terjulur ke hadapan.
5. Belakang tangan menghala ke hadapan atau pergelangan tangan mengerekot.
6. Badan senget ke kiri atau ke kanan dan bahu tidak sama rata.
7. Tidak memandang (200 meter) ke hadapan
8. Tunduk atau mendongak.
9. Semasa tumit atau hujung kaki dijatuhkan terdapat dua bunyi.

Ingatan:

Beri hukuman supaya bersedia sebelum **"SkuadSedia"**.

BAHAGIAN II SENANG DIRI

Hukuman :

"SenangDiri"

Perbuatan :

Dengan pantas angkat kaki kanan, peha 45 darjah dan hentak ke sebelah kanan sejauh 12 inci. Dalam masa yang sama kedua-dua tangan ke belakang dan letakkan belakang tangan kanan rapat di atas tapak tangan kiri, ibu jari bersilang, empat-empat jari bersusun lurus menuju ke bumi, siku lurus, dan keberatan badan di atas kedua-dua kaki. Masa angkat kaki kanan, kaki kiri mesti tegap dan tidak bergerak.

Kesalahan Biasa :

1. Siku bengkok;
2. Lutut tidak tegap dan tiada bertahan;
3. Bukaak kaki kanan tidak cukup 12 inci;
4. Menggerakkan kaki kiri menyebabkan rosak lurus barisan;
5. Pinggang bengkok sewaktu mengangkat kaki kanan;
6. Jatuh tumit atau hujung kaki dahulu.
7. Bahu jatuh dan badan mengenjut.

BAHAGIAN III

REHATKAN DIRI

Hukuman :

"RehatkanDiri"

Perbuatan:

Dalam kedudukan senang diri, naikkan tangan dari punggung ke pinggang dalam satu pergerakan dan rehatkan semua anggota badan (1 , 2 , rehat) Kedudukan kaki tidak berubah.

Kesalahan biasa :

1. Kedua kaki bergerak , menyebabkan hilang lurus barisan;
2. Menggeliat dan bercakap-cakap.

Ingatan :

Dalam keadaan **"Rehatkan Diri"** , Skuad dibenarkan melakukan pergerakan setakat pinggang ke atas sahaja.

Apabila dapat perintah **"Skuad"** dengan serta merta balik ke kedudukan senang diri.

BAHAGIAN IV

MASUK BARIS

Arahan masuk baris :

"Dengar sini semua sekali, apabila mendapat hukuman tiga barisan di hadapan saya gerak, skuad hendaklah sedia, berlari, berbaris dalam tiga barisan, di hadapan, di tengah-tengah, di mana saya mengadap. Faham itu skuad".

Hukuman :

"Tiga Barisan Di hadapan Saya Gerak"

Perbuatan :

Semua anggota hendaklah sedia, berlari dengan pantas, berbaris dalam tiga barisan kira-kira 6 langkah di hadapan ketua/jurulatih iaitu setiap orang mestilah mengambil tempatnya, barisan hadapan, barisan tengah dan barisan belakang. Jarak di antara satu barisan dengan yang lain ialah 30 inci. Jarak di dalam barisan di antara seorang dengan yang lain ialah sekadar satu tangan dan dalam keadaan sedia.

Kesalahan Biasa :

1. Datang berbaris tidak berlari
2. Tidak melakukan perbuatan sedia sebelum berlari.
3. Bercakap-cakap;
4. Barisan terlalu rapat atau terlalu jauh daripada jurulatih.

BAHAGIAN V

MEMBETULKAN BARISAN

Hukuman:

" Ke kanan Lurus"

Perbuatan:

Penanda kanan diam. Yang lain langkah* kaki kanan 6 inci ke hadapan dan angkat kaki kiri serta hentak disebelah kaki kanan, kedua - dua tangan lurus dan rapat ke badan. Diam dan kira masa sendiri (2-1). Kemudian palingkan muka ke kanan; melainkan anggota yang nombor satu dalam setiap barisan; serentak dengan itu anggota dalam barisan hadapan angkat tangan ke paras bahu melalui sebelah belakang anggota di kanannya, jari genggam dalam keadaan ibu jari di kedudukan atas mencecah bahu anggota di

sebelah kanan. Diam dan kira masa sendiri, (2-1), diikuti dengan hentak kaki "pendek – pendek" sehingga barisan lurus.

Penanda kanan hendaklah diam. Anggota di sebelah kanan barisan tengah dan barisan belakang hendaklah mengangkat tangan sekadar menyentuh bahu anggota di hadapannya. Setiap barisan ini hendaklah berdiri bersetentang dengan anggota - anggota di hadapan. Sesudah barisan lurus, semua diam dan tunggu hukuman pandang depan.

**julus*

Hukuman:

"Pandang.....depan"

Perbuatan:

Palingkan muka ke hadapan dan turunkan tangan ke sebelah rusuk serentak dengan pantas.

Hukuman:

"Ke Kiri..... Lurus"

Hukuman ini diberi apabila skuad menghadap ke belakang dan penanda berada di sebelah kiri.

Perbuatannya adalah sama dengan ke kanan lurus kecuali semua anggota akan palingkan muka ke kiri dan angkat tangan kiri. Penanda di sebelah kiri hendaklah diam.

Kita boleh memberi nombor sama ada dari kiri atau kanan.

Kesalahan Biasa :

1. Melompat dengan kedua-dua kaki dalam satu masa;
2. Pergerakan kaki dan bahu tidak sekata ke hadapan dan badan condong ke depan semasa meluruskan barisan;
3. "Pinggang lemah" semasa kaki bergerak;
4. Jarak dan bersetentang tidak betul;
5. Badan dan kepala tidak tegak semasa meluruskan barisan;
6. Turun tangan lambat dan siku bengkok.
7. Menepuk peha ketika menjatuhkan tangan.

Hukuman :

"Luruskan Barisan"

Perbuatan :

Pergerakan seperti di atas juga tetapi tidak perlu melangkah ke hadapan, cuma hentakkan kaki kanan dan kiri berturut-turut dan terus bergerak betulkan barisan. Apabila barisan telah lurus, turunkan tangan dan palingkan muka ke depan dalam masa sendiri. Barisan tengah dan barisan belakang hendaklah mengikuti anggota hadapan.

BAHAGIAN VI NOMBOR

Permulaan pelajaran, skuad hendaklah dinomborkan supaya menyenangkan jurulatih memanggil anggota. Dari itu memadai dengan memanggil "**Nombor..... barisan**" saja. Anggota juga tahu kedudukannya dalam skuad.

Hukuman :

" Dari kananNombor"

Perbuatan :

Barisan hadapan sahaja yang membilang nombor dengan pantas dari kanan ke kiri. Anggota yang di sebelah kanan sekali bilang "satu", yang lain mengikut bilang "dua" dan seterusnya sehingga habis.

Kesalahan Biasa :

1. Tidak mengira nombor dengan cepat.
2. Suara perlahan.
3. Lupa nombor masing-masing.

Ingatan :

Apabila anggota telah tersalah bilang, hendaklah diberi hukuman "**Semula**", kemudian ulang balik daripada anggota pertama.

BAHAGIAN VII

BUKA / TUTUP BARISAN

Hukuman :

"Buka BarisanGerak".

Perbuatan :

Barisan hadapan ambil dua langkah ke hadapan, iaitu langkah kaki kanan ke hadapan 30 inci dan kaki kiri 15 inci, kemudian angkat kaki kanan dan hentak di sebelah kaki kiri kepada kedudukan sedia. Barisan belakang ambil dua langkah ke belakang mulai kaki kanan diikuti kaki kiri, kemudian angkat kaki kanan dan hentak di sebelah kaki kiri kepada kedudukan sedia. Masa bergerak bilang;
(1-2-1)

Kesalahan Biasa :

1. Kedua-dua tangan tidak rapat ke badan;
2. Tidak mengambil langkah cukup ke hadapan dan ke belakang;
3. Tangan dan bahu bergerak;
4. Mata pandang ke bawah;
5. Badan tidak tegak.

Hukuman :

"Tutup Barisan.....Gerak".

Perbuatan :

Barisan hadapan ambil dua langkah ke belakang dan barisan belakang ambil dua langkah ke hadapan. Pergerakannya adalah serupa seperti **"Buka Barisan.....Gerak"**.

Ingatan :

Apabila skuad berjalan dalam barisan ke hadapan atau ke belakang (melintang) ketika hukuman buka barisan diberi, barisan hadapan hendaklah jalan terus, barisan tengah hentak kaki dua kali, manakala barisan belakang hentak kaki empat kali dan maju. Kalau hukuman tutup barisan diberi, pergerakan adalah sebaliknya.

BAHAGIAN VIII

BERPUSING KE KANAN/ KIRI/ BELAKANG

Hukumannya :

"Bergerak ke kanan, kanan Pusing".

Dengan menetapkan kedua-dua lutut lurus, hendaklah berpusing sebanyak 90 darjah ke kanan, di atas tumit kaki kanan dan hujung kaki kiri dengan mengangkat hujung kaki kanan dan tumit kaki kiri. Apabila sampai ke hala yang baru tapak kaki kanan terletak atas bumi menyerong ke kanan dan tumit kaki kiri terangkat. Kedua-dua lutut lurus, badan tegak seperti kedudukan sedia . Keberatan badan di atas kaki kanan. Angkat kaki kiri dan hentak di sebelah kaki kanan dengan pantas kepada kedudukan sedia.

Kesalahan Biasa:

1. Tangan tidak rapat ke badan
2. Hentak kaki tendang kuda.
3. Membongkok
4. Lutut bengkok
5. Angkat peha melebihi 45 darjah

Hukumannya,

"Bergerak ke kiri, KiriPusing".

Dengan menetapkan kedua-dua lutut lurus, hendaklah berpusing sebanyak 90 darjah ke kiri, di atas tumit kaki kiri dan hujung kaki kanan dengan mengangkat hujung kaki kiri dan tumit kaki kanan. Apabila sampai ke hala yang baru tapak kaki kiri terletak atas bumi menyerong ke kiri dan tumit kaki kanan terangkat. Kedua-dua lutut lurus, badan tegak seperti kedudukan sedia . Keberatan badan di atas kaki kiri. Angkat kaki kanan dan hentak di sebelah kaki kiri dengan pantas kepada kedudukan sedia.

Kesalahan Biasa:

1. Tangan tidak rapat ke badan
2. Hentak kaki tendang kuda.
3. Membongkok
4. Lutut bengkok
5. Angkat peha melebihi 45 darjah

Hukumannya :

Menghadap ke belakang , "BelakangPusing".

Menghadap ke hadapan , "BelakangPusing".

Dengan menetapkan kedua-dua lutut lurus, hendaklah berpusing 180 darjah mengikut pusingan jam (ikut bahu kanan) , di atas tumit kaki kanan dan hujung kaki kiri dengan mengangkat hujung kaki kanan dan tumit kaki kiri. Apabila sampai ke hala yang baru tapak kaki kanan terletak atas bumi menyerong ke kanan dan tumit kaki kiri terangkat. Kedua-dua lutut lurus, badan tegak seperti kedudukan sedia . Keberatan badan di atas kaki kanan. Angkat kaki kiri dan hentak di sebelah kaki kanan dengan pantas kepada kedudukan sedia.

Kesalahan Biasa:

1. Tangan tidak rapat ke badan
2. Hentak kaki tendang kuda.
3. Membongkok
4. Lutut bengkok
5. Angkat peha melebihi 45 darjah.
6. Badan melonjak ketika berpusing

BERPUSING SEPARUH KANAN/KIRI

Hukumannya:

"Bergerak ke kanan, separuh kanan Pusing".

"Bergerak ke kiri, separuh kiriPusing".

Pergerakan sebagaimana berpusing kanan/kiri tetapi separuh kanan/kiri sahaja (45 darjah)

Kesalahan biasa :

1. Badan melonjak semasa berpusing;
2. Tangan bergoyang dan membongkok semasa berpusing;
3. Tumit bergerak dari tempatnya masa berpusing.
4. Kedua-dua siku tidak lurus masa merapatkan kaki;
5. Badan dan bahu tidak berpusing dengan betul dalam pergerakan pertama.
6. Lutut bengkok semasa berpusing.

BAHAGIAN X

BERSURAI DAN KELUAR BARIS

Hukuman :

"Ber.....surai".

Perbuatan :

Skuad itu hendaklah dalam keadaan tutup barisan , pusing ke kanan, hentak kaki kiri di sebelah kaki kanan, hormat sekali terus melangkah mulai kaki kanan ke hadapan tiga langkah dalam masa cepat ; terus bersurai.

Ingatan :

Jika bertongkat, hendaklah dibawa tongkat itu ke kedudukan kepit sebelum memberi hormat. Anggota yang tidak bertongkat ikut kiraan masa anggota yang bertongkat.

Perhatian:

Jangan disangkakan bersurai itu perkara kecil, bersurai ialah memberi hormat kepada pegawai. Dengan sebab itu jurulatih hendaklah memerhatikan pergerakan hormat dilakukan dengan sempurna.

Hukuman :

"Keluar Baris"

Berbeza dengan bersurai, **keluar baris** bermaksud aktiviti belum tamat, malah bersurai sementara sahaja dan hormat tidak dikehendaki. Anggota tidak boleh beredar dari padang kawat atau kawasan latihan.

BAHAGIAN XI

PARAS

Paras boleh dilakukan seperti berikut :

1. Anggota tinggi di sebelah kanan , anggota rendah di sebelah kiri.
2. Anggota rendah di sebelah kanan, anggota tinggi di sebelah kanan.
3. Anggota rendah di tengah-tengah.
4. Anggota tinggi di tengah-tengah

Hukuman :

**"Yang tinggi ke kanan, rendah ke kiri, dalam satu barisan
.....paras".**

Perbuatan :

Semua anggota membuat perbuatan keluar baris dan berbaris semula dalam satu barisan mengikut ketinggian masing-masing dan berdiri dalam keadaan sedia.

"Dari kanan..... Nombor"

Skuad itu hendaklah menghitung nombor dari kanan ke kiri.

**"Nombor ganjil satu langkah ke hadapan, genap satu langkah
ke belakang.....gerak".**

Jurulatih hendaklah memeriksa pergerakan.

**"Orang yang di sebelah kanan sekali diam, nombor ganjil ke
kanan, genap ke kiri , barisan kanan dan kiripusing".**

Anggota nombor satu diam, lain-lain anggota hendaklah berpusing seperti yang diperintahkan.

"Jadikan tiga barisan,cepat jalan".

Skuad itu dijadikan tiga baris. Anggota nombor dua menjadi nombor satu barisan tengah. Anggota nombor tiga menjadi nombor satu barisan belakang. Anggota nombor empat jadi nombor dua barisan hadapan dan seterusnya. Apabila berhenti di tempat masing-masing hendaklah berpusing ke hadapan bertiga-tiga setelah mendapat isyarat "up" dari anggota barisan belakang. Isyarat "up" diberikan sekali lagi untuk pergerakan senang diri.

Ingatan :

Jika dikehendaki kedudukan skuad itu tinggi di sebelah kanan dan rendah di sebelah kiri, hukumannya :

"Orang yang di sebelah kanan sekali diam, yang lain bergerak ke kanan, kananpusing".

" Jadikan tiga barisan.....cepat jalan"

(iaitu semasa mereka di dalam satu barisan), maka skuad hendaklah membuat pergerakan seperti di atas.

Hukuman :

"Yang rendah ke kanan, tinggi ke kiri, dalam satu barisanparas".

Perbuatan :

Semua anggota membuat perbuatan keluar baris dan berbaris semula dalam satu barisan mengikut ketinggian masing-masing dan berdiri dalam keadaan sedia.

"Dari kanan..... Nombor"

Skuad itu hendaklah menghitung nombor dari kanan ke kiri.

"Nombor ganjil satu langkah ke hadapan, genap satu langkah ke belakang.....gerak".

Jurulatih hendaklah memeriksa pergerakan.

"Orang yang di sebelah kanan sekali diam, nombor ganjil ke kanan, genap ke kiri , barisan kanan dan kiripusing".

Anggota nombor satu diam, lain-lain anggota hendaklah berpusing seperti yang diperintahkan.

"Jadikan tiga barisan.....cepat jalan".

Skuad itu dijadikan tiga baris. Anggota nombor tiga menjadi nombor satu barisan tengah. Anggota nombor lima menjadi nombor satu barisan belakang. Anggota nombor tujuh jadi nombor dua barisan hadapan dan seterusnya. Apabila berhenti di tempat masing-masing hendaklah berpusing ke hadapan bertiga-tiga setelah mendapat isyarat "up" dari anggota barisan belakang. Isyarat "up" diberikan sekali lagi untuk pergerakan senang diri.

Ingatan :

Jika dikehendaki kedudukan skuad itu rendah di sebelah kanan dan tinggi di sebelah kiri, hukumannya :

"Orang yang di sebelah kanan sekali diam, yang lain bergerak ke kanan, kananpusing".

" Jadikan tiga barisan.....cepat jalan"

(iaitu semasa mereka di dalam satu barisan), maka skuad hendaklah membuat pergerakan seperti di atas.

BAB KETIGA BERJALAN

Jarak Langkah (Ukuran dari tumit ke tumit)

- (a) Perlahan dan cepat jalan jaraknya tiap-tiap satu langkah 30 inci;
- (b) Panjangkan langkah tiap-tiap satu langkah 33 inci;
- (c) Pendekkan langkah tiap-tiap satu langkah 21 inci;
- (d) Berlari tiap-tiap satu langkah 40 inci;

Masa Berjalan (Timing Of Marching)

- (a) Perlahan jalan langkah 65 langkah dalam satu minit;
- (b) Cepat jalan 120 -128 langkah dalam satu minit (Biasa);
- (c) Berlari 180 langkah dalam satu minit.

BAHAGIAN 1

BERJALAN DAN BERHENTI DALAM MASA CEPAT JALAN

Cepat jalan

Hukuman :

"Dari kanan/kiri, cepat jalan"

Perbuatan :

Langkah ke hadapan sejauh 30 inci dari tumit ke tumit mulai kaki kanan, dengan memacakkan tumit ke bumi, lutut lurus serta lenggangkan tangan separas bahu, tangan kanan ke belakang, jari genggam, ibu jari di bahagian atas menghala ke hadapan, kedua-dua lengan lurus. Masa berjalan badan tegak, buka dada, serta pandang ke hadapan 200 meter.

Ingatan :

- (a) Lenggang tangan ke belakang semaksima yang boleh.
Lenggang tangan ke hadapan separas dengan bahu.
- (b) Melangkah dengan memacakkan tumit tanpa membengkokkan lutut.

Kesalahan Biasa ;

- 1. Jalan mengenjut;
- 2. Lutut kendur;
- 3. Lenggang tangan tidak lurus dan tidak separas bahu ke hadapan dan tidak semaksima ke belakang.
- 4. Hujung kaki menghala keluar semasa memacak tumit;
- 5. Pinggang lemah; pandang ke bawah dan membengkok, dan mengheret tumit semasa berjalan;
- 6. Semasa berjalan satu tangan tidak lenggang dan lenggang tangan tidak sama.
- 7. Mendongak secara keterlaluan.

BERHENTI

Hukuman :

"Skuad..Henti"

Perbuatan:

Bahasa "skuad" untuk memberi bahasa amaran dan "henti", semasa beri tumit kaki kiri mencecah bumi di hadapan kaki kanan. 'Check' atas kaki kanan. Hentak kaki kiri diikuti kaki kanan dan pada masa yang sama kedua - dua tangan dibawa ke sisi dalam kedudukan sedia.

Kesalahan biasa :

1. Bergoyang selepas berhenti.
2. Badan tidak cukup tegap dan tetap selepas berhenti.
3. Mengangkat kaki kanan rendah semasa dihentak ke tumit kiri.
4. Lurus, jarak, bersetentang tidak betul selepas berhenti.
5. Turun tangan terlalu lambat.
6. Antara tumit tidak rapat dan antara hujung kaki tidak 30 darjah .
7. Angkat peha melebihi 45 darjah.
8. Perbuatan 'check' menjadi hentak kaki.

BAHAGIAN II

BERJALAN DAN BERHENTI DALAM PERLAHAN JALAN

Perlahan jalan

Hendaklah diajar dengan bernombor (ansur maju) untuk mengimbangkan kedudukan badan.

Hukuman :

"Dari kanan/kiri , perlahan.....Jalan"

Perbuatan :

Langkah pertama :

Tolak kaki kanan ke hadapan 15 inci dalam keadaan tergantung, lutut lurus dan tapak kaki selari dengan bumi. Badan tegak dan tangan rapat ke rusuk, ibu jari rapat pada penjahit seluar. Berat badan di atas kaki kiri.

Kemudian, tolak kaki kanan ke hadapan lagi 15 inci supaya cukup 30 inci (satu langkah) dengan tapak kaki jejak ke tanah. Pada masa yang sama tolak kaki kiri ke hadapan 15 inci seperti kedudukan kaki kanan tadi.

Langkah ke dua :

Tolak kaki kiri ke hadapan 15 inci dalam keadaan tergantung, lutut lurus dan tapak kaki selari dengan bumi. Badan tegak dan tangan rapat ke rusuk.

Kemudian tolak kaki kiri ke hadapan lagi 15 inci supaya cukup 30 inci (satu langkah) dengan tapak kaki jejak ke tanah dan proses seperti itu dibuat berterusan.

Kesalahan Biasa :

1. Tumit mencecah ke bumi dahulu / tapak kaki tidak selari dengan bumi.
2. Siku renggang dari rusuk.
3. Tangan mengikut pergerakan peha, dan bergerak pada setiap kali melangkah.
4. Memandang ke bawah.
5. Tidak menjaga jarak antara anggota

Ingatan :

1. Semasa perlahan jalan tidak perlu lenggang.
2. Tangan rapat ke rusuk dan lurus dan tiada pergerakan tangan.

Berhenti Semasa Perlahan Jalan

Hukuman “ **Henti** “ diberi apabila kaki kanan mencecah ke bumi, hentak kaki kiri dan kaki kanan.

BAHAGIAN III - LANGKAH KE HADAPAN / KE BELAKANG

Hukuman :

"1/2/3 Langkah ke hadapan / ke belakangGerak"

Perbuatan ;

Langkah kaki (15 inci langkah pertama, 30 inci langkah seterusnya) ke hadapan atau ke belakang mengikut bilangan langkah yang ditetapkan mulai kaki kanan dan diakhiri dengan sekali hentak (kaki kiri jika bilangan langkah ganjil dan kaki kanan jika bilangan langkah genap)

Rapat kedua-dua tumit. Badan tegak, kedua - dua tangan rapat ke rusuk, jari genggam, ibu jari di sisi penjahit seluar serta pandang ke hadapan.

Kesalahan Biasa :

1. Tangan tidak rapat di rusuk, badan bengkok dan kepala tunduk.
2. Tumit tidak rapat.

BAHAGIAN IV - LANGKAH MERUSUK

Gunanya bagi menggerakkan skuad ke kiri / kanan semasa menghadap ke hadapan.

Hukuman :

"1/2/3/4/5/6/7/8 langkah ke kiri/kanan gerak".

Perbuatan :

- Angkat peha kiri/kanan 45 darjah ke hadapan dan bawa ke sebelah kiri/kanan sehingga habis bilangan langkah yang diperintahkan. Langkah dibuat dengan mengangkat peha kanan / kiri 45 darjah ke hadapan dan hentak padat di sebelah kaki kiri / kanan. Tumit dirapatkan.
- Badan tegak, tangan rapat di rusuk (tiada pergerakan tangan)

Ingatan :

1. Tiap-tiap selangkah berhenti sebentar mengikut bilangan (1-2-1, 1-2-2 , 1-2-3 dan seterusnya),
2. Langkah merusuk tidak boleh melebihi 8 langkah. Sekiranya lebih skuad hendaklah digerakkan ke kiri/kanan.

Kesalahan Biasa :

1. Langkah tidak sama;
2. Antara tumit tidak rapat
3. Bergerak seakan-akan melompat dan tidak dibawa kaki kanan/kiri itu dengan pantas apabila tinggi kaki kiri/kanan mencecah ke bumi;
4. Angkat peha (kurang / lebih dari 45 darjah).

BAHAGIAN V - BELOK

Hukuman :

"Kanan/kiri Belok"

Perbuatan :

Samada berjalan dalam satu barisan (*file*) atau bertiga-tiga, maka orang yang di sebelah dalam hendaklah membelok seperti di atas satu lilitan bulatan ke kiri atau ke kanan 90 . Panjang atau pendek langkah bergantung kepada kedudukan barisan. Anggota di dalam barisan, pendekkan langkah dan anggota di barisan luar, panjangkan langkah.

Kesalahan-kesalahan biasa :

1. Deretan di sebelah belakang terbawa-bawa lalu terpesong keluar daripada pusat belok itu.
2. Jarak jadi rosak disebabkan oleh anggota di luar tidak memanjangkan langkah dan anggota di dalam tidak memendekkan langkah. keluar.

BAHAGIAN VI – BERPUSING SEMASA PERLAHAN JALAN

Kedudukan masa berjalan mestilah dikekalkan dan semasa membuat semua pusingan, hendaklah berpusing tepat ke hala yang baru , lurus, jarak hendaklah dibetulkan oleh mereka dalam skuad itu dengan serta merta selepas berpusing.

KE KANAN PUSING

Hukumannya :

" Menghadap ke hadapan / belakang, kanan pusing! "

" Bergerak ke kanan / kiri, kanan pusing! "

Perbuatan:

Hukuman "**pusing**" diberi semasa kaki kanan jejak ke bumi. Angkat kaki kiri dan hentak di sebelah kaki kanan . Dalam masa yang sama halakan kaki kanan ke sebelah kanan dan terus berjalan.

KE KIRI PUSING

Hukumannya:

" Menghadap ke hadapan / belakang, kiri pusing! "

" Bergerak ke kanan / kiri, kiri pusing! "

Perbuatan:

Hukuman "**pusing**" diberi semasa kaki kiri jejak ke bumi. Angkat kaki kanan dan hentak di sebelah kaki kiri . Dalam masa yang sama halakan kaki kiri ke sebelah kiri dan terus berjalan

KE BELAKANG PUSING

Hukumannya

" Bergerak ke kanan / kiri, belakang pusing! "

Hukuman pusing diberi semasa kaki kanan jejak ke bumi, angkat kaki kiri letak di sebelah kaki kanan dalam keadaan menghala ke kanan, angkat kaki kanan menghala ke kanan dan letak di sebelah kaki kiri, angkat kaki kiri dan hentak di sebelah kaki kanan. Dengan pantas hulkan kaki kanan dan terus perlahan jalan.

Kesalahan Biasa :

1. Semasa berpusing lutut bengkok .
2. Membiarkan tangan terhayun-hayun dari kedudukan sedia.
3. Tidak mengekalkan jarak langkah.
4. Tidak berpusing tepat dengan kepala, badan , bahu dan kaki.
5. Pergerakan berpusing tidak serupa dengan masa berjalan.
6. Tidak mengangkat peha 45 darjah.
7. Hujung kaki menjunam ke bumi atau mendongak.

BAHAGIAN VII – BERPUSING SEMASA CEPAT JALAN

KE KANAN PUSING

Hukumannya :

" Menghadap ke hadapan / belakang, kanan pusing "

" Bergerak ke kanan / kiri, kanan pusing "

Perbuatan:

Hukuman "**pusing**" diberi semasa kaki kiri jejak ke bumi. 'Check' kaki kanan dan hentak kaki kiri di sebelah kaki kanan. Dalam masa yang sama hala kaki kanan 90 darjah ke kanan dan terus berjalan.

KE KIRI PUSING

Hukumannya:

" Menghadap ke hadapan / belakang, kiri pusing! "

" Bergerak ke kanan / kiri, kiri pusing! "

Perbuatan:

Hukuman "**pusing**" diberi semasa kaki kanan jejak ke tanah. Angkat kaki kanan dan hentak di sebelah kaki kiri . Dalam masa yang sama halakan kaki kiri ke sebelah kiri dan terus berjalan.

KE BELAKANG PUSING

Hukumannya

" Bergerak ke kanan / kiri, belakang pusing! "

Hukuman pusing diberi semasa kaki kanan jejak ke tanah, 'check' kaki kiri, tarik kaki kanan di belakang tumit kaki kiri dalam keadaan menghala ke kanan (in), hentak kaki kiri di sebelah kaki kanan, hentak kaki kanan di sebelah kaki kiri, hentak kaki kiri di sebelah kaki kanan. Dengan pantas langkah kaki kanan dan terus berjalan (maju).

Peringatan:

Tangan dirapatkan ke sisi semasa pergerakan "in"

Kesalahan Biasa :

1. Semasa berpusing lutut bengkok .
2. Membiarkan tangan terhayun-hayun dari kedudukan sedia .
3. Tidak mengekalkan jarak langkah.
4. Tidak berpusing tepat dengan kepala, badan , bahu dan kaki .
5. Pergerakan berpusing tidak serupa dengan masa berjalan .
6. Tidak mengangkat peha 45 darjah .
7. Hujung kaki menjunam ke bumi .
8. Seret kaki ketika pergerakan 'in'.

BAHAGIAN VIII

HENTAK KAKI, MAJU DAN BERHENTI DALAM PERLAHAN DAN CEPAT JALAN

Semasa Cepat Jalan

Hukumannya

"Hentak.....kaki"

Perbuatan:

Hukuman diberi semasa kaki kiri jejak ke bumi, 'check' kaki kanan dan mula hentak kaki dengan kaki kiri.

Kesalahan Biasa :

1. Tangan, badan dan bahu bergerak semasa hentak kaki .
2. Tidak hentak kaki pada satu tempat .
3. Pinggang lemah dan bongkok .
4. Tidak pandang terus ke hadapan .
5. Lebih pantas daripada berjalan .

Hukuman :

"Maju"

Hukuman diberi apabila kaki kanan jejak ke bumi, kemudian hentak kaki kiri dan maju mulai kaki kanan.

Semasa Perlahan jalan

Hukumannya

"Hentak.....kaki"

Perbuatan:

Hukuman diberi dengan sebutan yang panjang, semasa kaki kanan melintasi kaki kiri dan mula hentak kaki dengan kaki kiri.

Kesalahan Biasa :

1. Tangan, badan dan bahu bergerak semasa hentak kaki.
2. Tidak hentak kaki pada satu tempat.
3. Pinggang lemah dan bongkok.
4. Tidak pandang terus ke hadapan.
5. Lebih pantas daripada berjalan .

Hukuman :

"Maju"

Hukuman diberi apabila kaki kanan jejak ke bumi, kemudian hentak kaki kiri dan tendang kaki kanan ke hadapan untuk berjalan.

Hentak Kaki Cepat Semasa Berhenti.

Hukuman :

" Hentak kaki cepat"

Perbuatan :

Mula hentak kaki dengan kaki kanan.

Hukuman:

"Skuad.....henti"

Perbuatan:

Hukuman diberi semasa kaki kanan jejak ke bumi. Hentak kaki kiri dan kanan. Terus berhenti

BAHAGIAN IX - TUKAR LANGKAH DALAM MASA PERLAHAN JALAN DAN CEPAT JALAN

Semasa perlahan jalan.

Hukuman :

"Tukar langkah masa berjalan, tukar ,.....langkah"

Perbuatan :

Hukuman diberi masa kaki kanan jejak ke bumi.

Hentak kaki kiri di sebelah kaki kanan,

Hentak kaki kanan di sebelah kaki kiri

Hulur kaki kanan ke hadapan dan terus perlahan jalan.

Kesalahan Biasa :

- (a) Dalam masa berjalan :
 - i. Melenggangkan tangan.
 - ii. Tidak melangkah penuh bagi pergerakan yang ketiga .
- (b) Dalam masa hentak kaki :
 - i. Badan membongkok.
 - ii. Terlalu pantas .

Semasa cepat jalan.

Hukuman :

"Tukar langkah masa berjalan, tukarlangkah"

Perbuatan :

Hukuman "**tukar**" diberi semasa kaki kanan jejak tanah.

Hukuman "**langkah**" di beri atas kaki kiri

Hentak kaki kanan di sebelah kaki kiri,

Hentak kaki kiri disebelah kaki kanan

Langkah kaki kanan ke hadapan dan terus cepat jalan.

Kesalahan Biasa :

- (a) Dalam masa berjalan :
 - i. Tidak melangkah penuh bagi pergerakan yang ketiga .
- (b) Dalam masa hentak kaki :
 - i. Badan membongkok.
 - ii. Terlalu pantas .

BAHAGIAN X - BERJALAN, HENTAK KAKI BERHENTI DALAM MASA BERLARI

HUKUMAN:

" Dari kiri/ kanan..... cepat lari"

Perbuatan:

Mula berlari dengan kaki kanan.

Panjang langkah 40 inci dan lajunya 180 langkah dalam satu minit.

Kesalahan biasa:

1. Memandang ke bawah.
2. Berlari di atas tumit.
3. Lurus, jarak dan kelajuannya tidak betul.

Hentak kaki semasa berlari

Hukuman:-

"Hentak... kaki"

Perbuatan:-

Diberi ketika kaki kiri jejak ke bumi, 'check' dengan kaki kanan dan mulakan hentak dengan kaki kiri.

Hukuman:-

"Maju"

Perbuatan:-

Di beri ketika kaki kanan jejak ke bumi, hentak kaki kiri ,kemudian mulakan berlari dengan kaki kanan.

Peringatan:

Sebelum berhenti semasa berlari hendaklah tukar pergerakan hentak kaki terlebih dahulu dan beri hukuman henti sebagaimana pergerakan hentak kaki

BAHAGIAN XII - TUKAR LANGKAH PERLAHAN, CEPAT JALAN DAN BERLARI

Dari Cepat Jalan ke Perlahan Jalan

Hukuman:

" Tukar langkah perlahan, perlahanjalan"

Perbuatan :

Hukuman **"Jalan"** ketika kaki kiri jejak ke bumi. '*Check*' dengan kaki kanan, kemudian hentak kaki kiri di sebelah kaki kanan. Dengan pantas hulur kaki kanan dan terus melakukan pergerakan perlahan jalan.

Peringatan:

1. Kedudukan tangan dirapatkan di sisi semasa pergerakan check

Dari Perlahan ke Jalan Cepat

Hukuman:-

"Tukar langkah cepat, cepat...jalan"

Perbuatan:-

Hukuman **" cepat "** diberi ketika kaki kanan jejak ke bumi, dan **" jalan "** ketika kaki kiri jejak ke bumi dan hendaklah secara berturut-turut. dan mulakan pergerakan cepat jalan dengan kaki kanan.
Tangan dilenggangkan

Dari Cepat Jalan ke Langkah Berlari

Hukuman:

" Tukar langkah berlari..... cepat lari"

Perbuatan:

Hukuman **" lari "** diberi di atas kaki kanan, check dengan kaki kiri, kemudian mulai lari dengan kaki kanan.

BAB 4

BAHAGIAN I - BUKA DAN TUTUP BARISAN KETIKA BERJALAN

Hukuman:-

" Buka Barisan"

Perbuatan:-

Hukumannya diberi di atas kaki kanan dan check di atas kaki kiri dan hentak dengan kaki kanan, barisan tengah hentak kaki 2 kali dan terus maju. Barisan belakang hentak kaki 4 kali, barisan hadapan berjalan terus.

Hukuman :

" Tutup..... barisan "

Perbuatan :

Hukumannya diberi di atas kaki kanan dan check dengan kaki kiri, hentak kaki kanan, barisan hadapan hentak kaki 4 kali, dan barisan tengah hentak kaki 2 kali dan terus maju. Barisan belakang berjalan terus.

BAHAGIAN II - BUKA DAN TUTUP BARISAN KETIKA PERLAHAN JALAN

Hukuman "Barisan" diberi atas kaki kiri, angkat kaki kanan dan letak di sebelah kaki kiri (seperti perbuatan hentak kaki perlahan diikuti dengan hentak kaki kanan dalam mas yang sama julur kaki kanan dengan pantas.

Keterangan:

1. Ini untuk barisan tengah manakala barisan depan terus perlahan jalan.
2. Bagi barisan belakang, pergerakan angkat kaki kanan dan kiri berterusan sebanyak 4 kali

TUTUP BARISAN SEMASA PERLAHAN JALAN

Perbuatan sama sebagaimana di atas, kemudian barisan hadapan melakukan perbuatan sebagaimana barisan belakang sama buka barisan. Manakala barisan belakang terus berjalan seperti biasa dan barisan tengah tidak berubah.

BAHAGIAN III - TUKAR HALUAN KETIKA BERHENTI DAN BERJALAN DALAM CEPAT DAN PERLAHAN

Tukar Haluan Masa Berhenti dalam masa cepat jalan

Hukuman :

" Tukar haluan ke kanan dan henti, ke kanan..... Tukar "

Perbuatan:

Anggota yang sebelah kanan, pusing ke kanan, yang lain dalam barisan hadapan pusing separuh kanan, anggota dalam barisan tengah dan belakang diam.

Hukuman :

"Cepat jalan"

Perbuatan:-

Anggota yang sebelah kanan berjalan ke hadapan tiga langkah lalu berhenti. Lain-lain anggota berjalan berturut-turut dan membelok ke hala baru, serta berhenti. Jarak antara barisan ialah satu langkah.

Ingatan:-

1. Jika tukar haluan ke kiri buatlah ke sebelah kiri.
2. Pergerakan ini biasa dibuat jika skuad itu lebih daripada enam anggota dalam barisan.
3. Jika tiada hukuman berhenti, mestilah hentak kaki, kemudian akan diberi hukuman maju atau berhenti.
4. Jika pergerakan ini dibuat dalam berjalan, maka anggota dalam barisan hendaklah belok ke hala yang baru.
5. Pergerakan bagi cepat jalan dan perlahan jalan adalah sama.

Kesalahan biasa:-

1. Tidak memastikan jarak yang betul.
2. Anggota yang disebelah luar mempercepatkan langkah.
3. Memanjangkan langkah.
4. Anggota nombor satu barisan hadapan (Penanda) tidak ambil cukup tiga langkah.
5. Tidak berhenti atau hentak kaki di atas kaki yang betul.

BAB-KELIMA

JADIKAN DUA BARISAN

Kawat biasanya dijalankan dalam tiga barisan, tetapi terdapat juga yang terpaksa bertukar menjadi dua barisan.

BAHAGIAN I - JADIKAN DUA BARISAN DARIPADA TIGA BARISAN

Hukuman:

"Jadikan Dua Barisan "

Perbuatan:

Anggota nombor ganjil di barisan tengah hendaklah melangkah kaki kanan ke depan (15 inci), dan angkat kaki kiri menyerong ke kiri sejauh 24 inci kemudian hentak kaki kanan bersebelahan kaki kiri dalam kedudukan sedia.

Seterusnya dalam masa yang sama anggota nombor genap hendaklah melangkah ke belakang dengan kaki kanan selangkah 15 inci dan angkat kaki kiri menyerong ke kiri sejauh 24 inci dan hentak kaki kanan bersebelahan kaki kiri dalam keadaan sedia.

Peringatan:

1. Jika ada deret kosong (blank files) di barisan tengah , anggota yang sebelah kiri sekali dalam barisan akan undur , jika nombor ganjil ia akan dilakukan sebagai nombor genap.

2. Lepas itu hendaklah diberi hukuman ke kanan lurus. Biasanya jarak lurus ialah 1 depa tangan dan bergenggam, tetapi dalam dua barisan begini jaraknya hanya 24 inci (1 bahu) dengan tidak payah mengangkat tangan, barisan belakang tetap 2 langkah jaraknya dari barisan hadapan.

Kesalahan biasa

1. Barisan tengah lupa nombor
2. Jarak tidak betul.
3. Tidak bawa kaki kiri cukup ke sebelah kiri pergerakan yang pertama.
4. Tidak bawa kaki kanan cukup ke hadapan dan ke belakang.

BAHAGIAN II

JADIKAN TIGA BARISAN DARIPADA DUA BARISAN

Hukuman:

" Jadikan tiga..... barisan"

Perbuatan:

Anggota nombor ganjil dan genap barisan tengah kembali ke kedudukan asal.

Anggota dalam barisan hadapan hendaklah melangkah kaki kanan ke belakang selangkah 15 inci dan angkat kaki kiri menyerong ke kiri sejauh 24 inci dan hentak kaki kanan bersebelahan kaki kiri dalam keadaan sedia.

Anggota dalam barisan belakang hendaklah melangkah kaki kanan ke hadapan selangkah 15 inci dan angkat kaki kiri menyerong ke kiri sejauh 24 inci dan hentak kaki kanan bersebelahan kaki kiri dalam keadaan sedia.

Kesalahan biasa :

1. Tidak bawa kaki kanan hingga cukup setentang di pergerakan yang kedua.

BAB-KETUJUH MEMBERI HORMAT

Hormat ialah satu cara bagi menghormati antara anggota-anggota pangkat rendah dengan pegawai-pegawai atasan dan sebaliknya dalam pasukan. Dengan cara inilah terbentuknya disiplin dalam pasukan. Hormat yang dilakukan dengan betul dan cergas. Pegawai yang tidak mengambil berat tentang hormat akan merosakkan tatatertib. Maka menjadi kewajipan anggota semua peringkat mengetahui segala peraturan itu, terutama sekali keterangan-keterangan yang ringkas di bawah ini.

BAHAGIAN I - HORMAT DALAM MASA BERHENTI

Hormat dalam berhenti:

Hukuman:

"Hormat , ke hadapan hormat "

Perbuatan:

Tangan kanan hendaklah diangkat ke hadapan dengan membengkokkan siku rapat ke rusuk. Angkat tangan hingga hujung telunjuk kanan bersetentang dengan hujung kening mata kanan. Tapak tangan kanan menghala ke bawah, jari-jari lurus dan rapat. Pangkal lengan selari dengan bumi.

Dengan pantas turunkan tangan kanan ke rusuk kanan ikut jalan yang dekat sekali, dengan menjatuhkan siku ke arah hadapan dan jari bergenggam, balik ke kedudukan sedia.

Ingatan.

Pangkal lengan hendaklah selari dengan bumi dan mempunyai sudut 90 darjah dengan rusuk, hujung lengan, pergelangan tangan dan jari-jari hendaklah lurus semuanya.

Kesalahan Biasa:

1. Badan membongkok.
2. Pergelangan tangan dan jari-jari tidak lurus dan tiada rapat.
3. Tangan terlampau tinggi atau terlampau jauh, ke atas tengah dahi.
4. Kepala senget.
5. Badan dan kepala bergerak semasa mengangkat tangan .
6. Menjatuhkan tapak tangan dahulu daripada siku .

BAHAGIAN II

MEMBERI HORMAT KETIKA BERJALAN

Memberi hormat dalam masa berjalan boleh dilakukan ke kiri, ke kanan atau ke hadapan dan boleh dilakukan juga dalam cepat atau perlahan jalan.

HORMAT KE HADAPAN

Hukuman:

"Hormat ke hadapan hormat ."

Perbuatan:

Diberi serupa dengan hukuman "**berhenti**", skuad hendaklah berhenti, hormat ke hadapan, turun tangan kemudian hormat sekali lagi , turun tangan, pusing ke belakang, berjalan dengan cepat jalan.

Hormat ke kanan/kiri :

Hukuman:

"Hormat ke kanan/kirihormat"

Perbuatan:

Hukuman Hormat diberi ketika kaki kiri jejak ke bumi. Check atas kaki kanan dan langkah kaki kiri ke hadapan, pada masa yang sama bawa tangan kanan ke kedudukan hormat dan palingkan muka ke kanan atau kiri dengan pantas. Langkah kaki kanan, kiri, kanan (Turun tangan dan palingkan muka ke hadapan).

Langkah kaki kiri dan terus berjalan dalam cepat masa.

Nota:

Kiraan masa : Check – hormat – 2 – 3 – potong – lenggang.

HORMAT SELAKU MENERIMA SIJIL

Hukuman:

"Selaku terima sijil, Hormat ke hadapan Hormat"

Diberi serupa dengan hukuman " **berhenti**", skuad hendaklah berhenti, hormat ke hadapan, turun tangan satu langkah kaki kanan ke hadapan dan hentak kaki kiri di sebelah kaki kanan seperti kedudukan sedia. Hurlurkan kedua-dua tangan dalam keadaan siku lurus. Tangan kanan atas tangan kiri, tekup (tidak ditepuk) dan tarik ke dua-dua belah tangan ke sisi, kemudian langkah kaki kanan ke belakang hentak kaki kiri di sebelah kaki kanan, hormat sekali lagi , turun tangan, pusing ke belakang, berjalan dengan cepat jalan.

BAHAGIAN III

MEMBERI HORMAT TANPA TOPI ATAU SONGKOK DAN APABILA MEMAKAI PAKAIAN AWAM

Jika sedang duduk

Jika seseorang Ahli Pangkat Rendah sedang duduk dan datang seorang pegawai kepadanya hendaklah ia bangun sedia dan memandang muka pegawai itu kemudian beri hormat dengan tangan. Jika lebih daripada seorang sedang duduk atau berdiri, anggota yang paling hampir di situ hendaklah mengadap kepada pegawai itu kemudian beri perintah " **skuad sedia**" dan hormat berseorangan.

Jika hendak menyampaikan perintah, berita, menunjukkan surat atau barang kepada pegawai

Seseorang ahli pangkat rendah hendaklah berjalan dengan segak ke arah pegawai itu dalam masa cepat, berhenti kira-kira dua langkah jaraknya dari pegawai itu dan hormat, melangkah selangkah ke hadapan, sampaikan perintah berita, surat atau barang kepada pegawai itu kemudian melangkah selangkah ke belakang, hormat sekali lagi, pusing belakang dan berjalan dari situ dengan cepat masa. Kalau membawa senjata, hendaklah dalam kedudukan rusuk senjata.

Ingatan:

Apabila berhadapan dengan seorang pegawai dalam bangunan (bilik pejabat dan seumpamanya) hendaklah ahli pangkat rendah itu memberi hormat .

Kesalahan biasa ;

1. Tidak menunaikan tanggungjawab memberi hormat yang diwajibkan .
2. Memberi tabik ketika tidak memakai pakaian seragam yang lengkap.

Bahagian ini mengandungi semua perkara berkenaan seorang ahli pangkat rendah melintasi seseorang pegawai atau pegawai itu, pada ketika ahli pangkat rendah itu tidak bersongkok ataupun memakai pakaian awam perkara ini adalah sebahagian daripada latihan pelatih-pelatih dan pergerakan-pergerakan ini hendaklah diterangkan dan ditunjukkan serta dilatih dalam padang kawat.

Tidak memakai pakaian seragam yang lengkap/ memakai pakaian awam

Pada bila-bila masa pun ketika tidak memakai pakaian seragam yang lengkap anggota pangkat rendah itu hendaklah memberi hormat dengan keadaan sedia.

BAHAGIAN IV

KAWAD TONGKAT

Permulaan

- a. Memegang tongkat dalam keadaan rusuk.

Tentukan tongkat di atas jari telunjuk dengan jari-jari lain menggenggam kepala tongkat, hujung tongkat menghala ke atas dan rapat pada tangan di sebelah dalam .

- b. Memegang tongkat dalam keadaan bimbis.

Tentukan pegang di tengah - tengah tongkat dengan tiga jari sebelah bawah, ibu jari di sebelah dalam dan anak jari di sebelah atas menghala ke dalam, hujung tongkat menghala ke hadapan dan tongkat sama paras dengan bumi.

Pelajaran 1

Sedia (pertunjukan dan penerangan)

Kedudukan anggota sama seperti kedudukan sedia yang biasa dengan tangan kanan pegang tongkat dalam keadaan rusuk dan tentukan tongkat rapat dihadapan dengan bahu .

Pelajaran 2

Senang Diri (pertunjukan dan penerangan)

Pergerakan kaki seperti biasa dengan masa yang sama bawa kedua - dua tangan kebelakang dengan tangan kanan terletak diatas tapak tangan kiri jari - jari digenggam rapat hujung tongkat rapat dihadapan bahu kanan .

Pelajaran 3

Rehatkan diri (pertunjukan dan penerangan) 1-2-3 rehat

Hanya dengan bilangan tiga saat lembutkan pinggang keatas pandang 30 meter kehadapan tongkat tidak berubah dan apabila dapat hukuman sehingga mendapat hukuman yang lain.

Pelajaran 4

Sedia daripada senang diri (Penerangan dan pertunjukan)

Angkat kaki kanan ke hadapan bengkokkan lutut dan hentak di sebelah kaki kiri dalam masa yang sama bawa kedua-dua tangan dan tongkat sampai dalam kedudukan sedia yang betul.

Pelajaran 5

Kepit tongkat dari rusuk tongkat (2 Pergerakan)

1. Latihan tongkat dengan nombor KEPIT TONGKAT SATU. Dengan kepantasan tangan kanan bawa tongkat ke ketiak kiri hujung tongkat ke belakang dalam masa yang sama angkat sedikit tangan kiri untuk membolehkan tongkat dibawa ke ketiak dan terus kepit tongkat, tangan kanan masih memegang kepala tongkat.

2. Skuad Dua. Dengan pantas bawa tangan kanan ke rusuk kanan.

3. Dengan pantas tangan kanan tangkap kepala tongkat ke kedudukan tongkat dan anggota lain tidak berubah.

Pelajaran 6

Bimbit tongkat dari rusuk tongkat (2 Pergerakan)

Latihan tongkat dengan nombor

" Bimbit tongkat satu" dengan pantas bawa tangan kiri ke hadapan dan tangkap di tengah-tengah tongkat, tangan paras dengan bumi, rapat pada badan, dalam masa yang sama lepaskan pegangan tangan kanan dan tangkap di tengah-tengah tongkat di bawah pegangan tangan kiri atau siku ke belakang tongkat rapat pada rusuk kanan, hujung tongkat tegak ke atas.

Skuad dua. Dengan pantas bawa tangan kanan ke rusuk kiri.

Pelajaran 7

Kepit tongkat dari bimbit (2 Pergerakan)

Latihan tongkat dengan nombor - **kepit tongkat 1** . Dengan kekuatan tangan kanan bawa tongkat pada kepit ketiak dalam masa yang sama tangan kiri angkat sedikit untuk membolehkan tongkat dikepit , tentukan tongkat sama paras.

Skuad dua. Dengan pantas bawa tangan kanan ke rusuk kanan.

Pelajaran 8

Bimbit tongkat dari kepit tongkat (2 Pergerakan)

Latihan tongkat dengan nombor- **bimbit tongkat satu**. Dengan kekuatan tangan kanan bawa tongkat tegak dan rapat dirusuk kanan dengan pantas, lepaskan pegangan tangan kanan dan tangkap kepala tongkat dengan masa yang sama tangan kiri melintang di hadapan badan dan tangkap di tengah-tengah tongkat tangan kiri sama paras dengan bumi dan rapat pada badan.

Skuad dua.

Dengan pantas bawa tangan kiri ke rusuk kiri

Pelajaran 9

Jalan dan berhenti dalam rusuk (pertunjukan dan penerangan)

Apabila mendapat hukuman cepat jalan dengan pantas langkah kaki kanan sejauh 30 inci dan pacak tumit dalam masa yang sama lenggang tangan kiri ke hadapan seberapa yang boleh tentukan tongkat rapat dengan tangan dan terus berjalan biasa 120 langkah seminit. Apabila mendapat hukuman berhenti, berhenti seperti biasa dengan betul.

Peringatan:

Pergerakan ini dilakukan apabila berjalan dalam jarak dekat sahaja

Pelajaran 10

Berjalan tongkat dalam keadaan bimbit dari rusuk tongkat dan berhenti tongkat sampai kedudukan rusuk tongkat (Pertunjukan dan penerangan)

1. Apabila dapat hukuman "cepat jalan " langkah kaki kanan sejauh 30 inci pacak tumit dalam masa yang sama buat pergerakan pertama bimbit tongkat dari rusuk. Dengan tidak mengubah kedudukan tongkat dan kedua-dua tangan langkahkan kaki kiri sejauh 30 inci pacak tumit (berteriak "check").

Langkah kaki kanan ke hadapan sejauh 30 inci pacak tumit dengan masa yang sama bawa tongkat ke kedudukan bimbit dan bawa tangan kiri ke rusuk kiri ke hadapan sejauh 30 inci pacakkan tumit (berteriak diam). Langkah kaki kanan ke hadapan sejauh 30 inci, pacakkan tumit dengan masa yang sama lenggang tangan kiri ke belakang dan tongkat ke hadapan dan terus berjalan 120 langkah satu minit.

2. Apabila dapat hukuman berhenti seperti biasa dengan betul dan buat pergerakan rusuk tongkat dari bimbit dengan membilang masa 40 pergerakan seminit

Ingatan:

Kalau dalam berjalan tongkat dalam keadaan bimbit dan hendak ke belakang apabila "check potong" bawa tongkat tegak ke hadapan bahu kanan siku rapat pada rusuk dan apabila maju kaki kanan, bawa tongkat turun dan majukan kaki lenggang tongkat ke hadapan dan seterusnya

Pelajaran 11

Berjalan - tongkat dalam keadaan bimbit dari kepit tongkat sampai kedudukan kepit semua (pertunjukan dan penerangan)

1. Apabila mendapat hukuman cepat jalan langkahkan kaki kanan sejauh 30 " pacak tumit kedudukan tongkat tidak berubah (berteriak tangkap diam), langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 30 " pacak tumit dengan masa yang sama bawa tongkat dalam kedudukan membawa tangan kiri rapat maju kaki

kanan ke hadapan dengan masa lengang tangan kiri ke belakang dan tongkat ke hadapan seberapa yang boleh dan terus berjalan 120 langkah seminit.

2. Apabila dapat hukuman " henti ". Berhenti seperti biasa dengan betul dan buat dua pergerakan kepit tongkat dari bimbit dengan membilang masa 40 pergerakan seminit.

Ingatan:

Pergerakan ini boleh dilakukan berjalan dari keadaan rusuk tongkat. Apabila berhenti sampai dalam kedudukan kepit tongkat. selalunya dilakukan semasa pergi berjumpa dengan pegawai dengan tujuan hendak memberi hormat dahulu bercakap tongkat mesti dalam keadaan kepit.

Pelajaran 12

Hadapan hormat masa berhenti sama ada, tongkat dari rusuk atau bimbit . (6 penggerakan)

'Hormat dengan nombor -Kehadapan hormat satu ' dengan pantas bawa tongkat ke kepit ketiak kiri ,tangan kiri rapat di rusuk kiri manakala tongkat menghala ke hadapan .

Skuad dua .

Dengan pantas bawa tangan kanan merusuk kanan .

Skuad tiga .

Dengan tidak mengubah kedudukan tongkat dan tangan kiri bawa tangan kanan ke rusuk tangan .

Skuad empat .

Dengan tidak mengubah kedudukan tongkat dan tangan kiri bawa tangan kanan ke rusuk kanan .

Skuad lima .

Dengan pantas tangan kanan tangkap ditengah - tengah tongkat (jika hendak pergi bimbit) atau kepala tongkat (jika hendak pergi rusuk) .

Skuad enam .

Dengan pantas bawa tongkat sampai kedudukan bimbit tongkat atau rusuk tongkat yang betul .

Pelajaran 13

Hadapan hormat masa cepat jalan

Apabila dapat hukuman ' hormat, hormat ke hadapan hormat' , hukuman diberi sama seperti hukuman berhenti dan lakukan pergerakan berhenti dengan betul dan lakukan pergerakan kepit tongkat kemudian berhenti 2 kali, apabila bawa (potong) tangan kanan kedudukan sedia dari hormat yang kedua tangan kiri dengan pantas tangkap bahagian kepala tongkat empat jari disebelah luar ibu jari disebelah dalam.kemudian pusingkan kebelakang membuat pergerakan ini membilang masa 40 pergerakan seminit , langkahkan kaki ke hadapan tangan kanan tangkap pada tongkat pada masa yang sama bawa tangan kiri ke kedudukan sedia .

Dengan tidak mengubah kedudukan tongkat dan tangan kiri langkahkan kaki kanan ke hadapan sejauh 30 " pacak tumit. (berteriak diam).

Langkahkan kaki kiri ke hadapan dengan masa yang sama bawa tongkat ke pada bimbis atau kepit .

Dengan tidak mengubah kedudukan tongkat dan tangan kiri, langkahkan kaki kiri ke hadapan sejauh 30" pacak tumit masa yang sama lenggangkan kedua-dua tangan (berteriak lenggang)

Ingatan:

Boleh dilakukan tongkat dalam keadaan bimbis atau rusuk.

Pelajaran 14

Bersurai dan keluar baris (Pertunjukan dan penerangan)

Tongkat dalam rusuk .

a. tidak ada pegawai :

pusing kekanan dengan betul dan terus berjalan 3 langkah baru bersurai dari barisan .

b. ada pegawai :

Pusing kekanan kedua buat pergerakan kepit tongkat dan hormat bawa (potong) tangan ke kedudukan sedia .Maju kaki kiri tangan kanan dengan pantas tangkap tongkat dan seterusnya buat seperti pelajaran 10 para D (b)

c.Bersama kumpulan senjata : Pusing ke kanan dengan masa yang sama bawa tongkat kepada kepit ke ketiak kiri , hentak kaki masa yang sama bawa (potong) tangan kanan sampai ke kedudukan sedia dan seterusnya buat seperti pergerakan para (A & B) di atas.

Pelajaran 15

Hormat ke kanan / kiri masa cepat jalan (9 Pergerakan)

1. 'Hormat dengan nombor ke kanan / ke kiri hormat satu '.Hukuman diberi diatas kaki kiri sampai kebumi,langkah kaki kanan kehadapan sejauh 30 " pacak tumit dengan masa yang sama bawa kedua - dua tangan rapat ke peha dan tongkat masih bimbis . (berteriak check) langkah kaki kiri kehadapan sejauh 30" pacak tumit dengan masa yang sama dengan pantas bawa tongkat,kepada kedudukan kepit sebelah kiri (berteriak kepit).

2. Skuad dua. Langkah kaki kanan kehadapan sejauh 30" pacak tumit anggota lain tidak berubah (berteriak cek) langkah kaki kehadapan sejauh 30" pacak tumit dengan masa yang sama bawa tangan kanan ke kedudukan sedia berteriak (potong) .

3. Skuad tiga. Langkah kaki kanan ke hadapan sejauh 30" pacak tumit anggota lain tidak berubah (berteriak check) dan langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 30" pacak tumit masa yang sama pusingkan kepala ke kiri /ke kanan 90 darjah dengan pantas bawa tangan kanan sampai ke kedudukan hormat yang betul (berteriak hormat).

4. Skwad empat. Langkah kaki kanan ke hadapan sejauh 30" pacak tumit dan langkah kaki kiri ke hadapan 30" pacak tumit, kedudukan hormat tidak berubah (berteriak 4-5)

5. Skwad enam . Langkah kaki kanan ke hadapan sejauh 30 " pacak tumit dengan masa yang sama pusingkan kepala ke hadapan dan dengan pantas bawa tangan ke kedudukan sedia. (berteriak potong)

6. Skwad tujuh. Langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 30 " pacak tumit dengan masa yang sama tangan kanan tangkap di tengah-tengah bahagian tongkat tentukan tangan dan siku tangan kanan rapat pada badan (berteriak tangkap).

7 Skwad lapan. Langkah kaki kanan..... tumit anggota lain tidak berubah (berteriak check) dan langkahkan lagi kaki kiri 30 " ke hadapan pacak tumit masa yang sama dengan pantas tangan kanan bawa tongkat ke rusuk kanan tongkat dalam keadaan bimbit (berteriak turun)

8. Skwad sembilan. Langkah kaki kanan ke hadapan sejauh 30 " pacak tumit, anggota lain tidak berubah (berteriak check) dan langkah lagi kaki ke hadapan sejauh 30 " pacak tumit pada masa yang sama lenggangkan tangan kanan ke hadapan tongkat sama rata dengan tali pinggang dan tangan kiri ke belakang terus berjalan (berteriak lenggang)

Kesalahan - kesalahan biasa:

1.Tidak meletak tongkat dengan mendaftar di bawah ketiak .

2.Tidak menggenggam pada tempat timbangan selepas memberi hormat .

Pelajaran 16

Kalih tongkat dari rusuk untuk doa selamat dan memberi 3 kali
(2 pergerakan)

a.Kalih tongkat dengan nombor

Skuad satu

Apabila mendapat hukuman kalih tongkat dengan tangan kanan bawa tongkat ke tengah - tengah badan dengan masa yang sama tangan kiri tangkap tongkat dengan dua jari di bawah, ibu jari di depan dan anak-anak jari di dalam.

Skuad dua

Dengan pantas tangan kanan lepaskan tongkat tarik ke sebelah jahitan seluar di sebelah kanan, dan pada masa yang sama tangan kiri bawa tongkat ke sebelah rusuk kiri, lain-lain anggota diam.

Pelajaran 17

Kalih tongkat daripada doa selamat/ 3 kali sorak (2 pergerakan)

Kalih tongkat dari doa selamat / 3 kali sorak sama dengan pelajaran 17 cuma berlainan tangan.

Pelajaran 18

Baring tongkat dari rusuk (3 pergerakan)

A. Baring tongkat dengan nombor

Skuad satu,

